

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV	Bil. 12	Hari Isnin	1 Jun 1998
----------	---------	------------	------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997. (Ruangan)

**Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Qur'an
(Pindaan) 1998.** (Ruangan)

**Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.** (Ruangan)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat.** (Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi

(Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Bahe ran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S.
(Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/ Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen:	Abdullah bin Abdul Wahab
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Supiah binti Dewak

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 1 Jun 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

--

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**BSKL – TINDAKAN BAGI MENGURANGKAN
MASALAH KEWANGAN**

1. **Dato' Eng Hoi Choo** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur menghadapi masalah kewangan yang teruk dan berkemungkinan diletakkan di bawah "receivership". Demi melindungi kepentingan pelabur-pelabur kecil, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil bagi mengurangkan berlakunya "financial failures" di kalangan syarikat-syarikat tersenarai.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 1 Mei 1998, terdapat dua anak syarikat milik dua syarikat yang tersenarai diletakkan di bawah penerimaan. Langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi melindungi kepentingan pelabur-pelabur kecil ialah memastikan tahap ketelusan yang tinggi oleh syarikat-syarikat tersenarai supaya penyebaran maklumat mengenai aktiviti dan operasi syarikat adalah mencukupi dan tepat. Pengarah-pengarah syarikat dikehendaki memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab dari segi dengan izin, "corporate governance" berlandaskan

unsur-unsur amalan yang baik agar kepentingan pemegang-pemegang saham terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, penggabungan dan percantuman syarikat-syarikat di dalam industri dan sektor yang sama digalakkan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan operasi mereka. Suruhanjaya Sekuriti dari masa ke semasa mengkaji dan menyemak dasar-dasar mengenai penyenaiaan, penyusunan semula syarikat dan pengutipan modal dengan mengambil kira keperluan modal, daya maju perniagaan dan juga mengutamakan sektor yang menyumbang kepada pendapatan pertukaran asing serta berorientasi eksport.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan soalan ini, saya hendak tahu berapakah syarikat yang telah menggunakan Akta 176(1) – Akta Syarikat 1965 iaitu antara piutang dengan syarikat (company) ataupun ahli syarikat bersetuju untuk pergi ke mahkamah dan diberi masa selama 5-6 bulan untuk membetulkan syarikat berkenaan. Soalan tambahan saya berapa syarikat yang menggunakan akta ini dan adakah penggunaan akta ini sesuai dengan kehendak-kehendak syarikat yang telah pun ternyata bilangannya itu.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang tidak dapat meramalkan jumlah syarikat yang tersenarai dalam BSKL yang mempunyai masalah seperti yang disebutkan. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang berada di dalam keadaan nazak, boleh melaksanakan skim penyusunan semula bagi membolehkan kedudukan kewangan masing-masing. Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan termasuk melalui suntikan aset-aset dan melaksanakan skim pengurangan modal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965 bagi menghapuskan kerugian terkumpul tertakluk kepada persetujuan pemiutang-pemiutang, bagi pihak-pihak lain yang berkenaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya, apakah nasihat kerajaan kepada pelabur-pelabur kecil yang mungkin menghadapi masalah dan menjadi mangsa dalam masa modal mereka ini diuruskan oleh pelabur-pelabur tertentu termasuk remisier di syarikat-syarikat broker saham.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang yang menjadi minoriti, mempunyai perlindungan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965 dan mereka bolehlah menggunakan maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh syarikat dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mendapat perlindungan dari segi undang-undang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menerima baiklah pandangan yang diberi oleh pihak kerajaan berkenaan dengan syarikat-syarikat yang terpaksa membuat ketelusan, terutama sekali dari segi ketelusan memberikan maklumat kewangan seperti yang diperlukan oleh Securities Commission, dengan izin. Jadi, baru-baru ini Suruhanjaya Sekuriti telah pun mengumumkan lima buah syarikat yang telah gagal memberikan maklumat kewangan seperti yang dituntut mengikut jadual. Kalau ianya tidak sampai kepada orang ramai terutama sekali mereka yang melabur kecil-kecilan ini, apakah tindakan pihak Securities Commission terhadap mereka ini terutama pengarah-pengarah yang bertanggungjawab kerana ada 2-3 syarikat itu berkaitan di antara satu sama lain, mempunyai cross holding, kemungkinan juga pemegang saham yang sama – jadi pengarah yang sama. Jadi apakah tindakan berasaskan ketelusan ini diambil terhadap pengarah-pengarah yang menganggotai syarikat-syarikat ini, adakah mereka ini disenaraihitamkan atau adakah hukuman-hukuman lain yang dijalankan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu jawatankuasa kewangan peringkat tinggi mengenai pengurusan korporat telah ditubuhkan iaitu yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan juga dianggotai oleh Gabenor Bank Negara Malaysia, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, ROC, BSKL, pengerusi pihak swasta dan juga pengerusi pihak bank-bank yang terlibat dalam jawatankuasa ini. Antara rasional yang terlibat dalam jawatankuasa ini adalah, yang pertamanya untuk menyediakan satu laporan supaya dikemukakan kepada Menteri Kewangan sebelum 31 Jun iaitu mengenai yang pertama – amalan-amalan yang terbaik pengurusan korporat.

Yang kedua tentang latihan untuk pengarah-pengarah dalam lembaga syarikat itu serta pemegang-pemegang saham syarikat itu dan juga untuk membuat reformasi undang-undang dan peraturan-peraturan untuk melaksanakan pengurusan korporat yang baik.

Antara perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu pihak Suruhanjaya Sekuriti akan menggunakan peruntukan yang terdapat dalam Akta Sekuriti untuk menjalankan tugasnya dan hingga sampai untuk mengambil tindakan mahkamah.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu daripada syarikat yang disenaraikan ini, kalau boleh kita hendak tuntut faham daripada kerajaan berapakah syarikat-syarikat Papan Pertama dan Kedua. Baru-baru ini kita banyak membaca daripada dada akhbar berkenaan dengan syarikat yang mempunyai national interest, dengan izin, seperti MAS yang banyak disalah fahami oleh masyarakat, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit penerangan mengenai kedudukan-kedudukan kepada syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai national interest, dengan izin.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang mempunyai masalah itu sebenarnya tidak bolehlah kita sekali gus menamakannya adalah tidak mempunyai potensi. Sebenarnya kebanyakan syarikat yang mungkin mempunyai negative asset ataupun yang menghadapi masalah tunai pusingan untuk membiayai gaji, untuk membeli bahan mentah untuk operasinya ataupun yang mempunyai masalah untuk menjualkan produk-produk yang telah dibuat itu, jadi masalah seperti ini adalah disebabkan kekurangan modal untuk mereka membuat pusingan.

Jadi, syarikat-syarikat seumpama ini sebenarnya mempunyai potensi yang baik dan ini tidak semestinya digulungkan. Umpamanya Sime Bank adalah satu contoh yang boleh dikatakan sebagai satu bank yang mempunyai potensi yang tinggi dan kalau diberi jalan keluar untuk berikhtiar dan mencari jalan untuk menyelamatkannya, boleh juga. Seperti yang kita nampak, dapatlah kita mencari jalan untuk menghidupkan semula Sime Bank ini.

Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan perkhidmatan yang penting seperti Syarikat PERWAJA. Ini ada kaitan dengan pengeluaran besi di dalam negara kita dan besi merupakan satu bahan mentah yang begitu penting sekali, ini memang satu syarikat yang mempunyai kepentingan negara. Begitu juga dengan MAS, begitu juga dengan syarikat-syarikat dalam perkhidmatan pengangkutan dan sebagainya. Jadi, ini adalah seperti yang kita namakan mempunyai kepentingan negara.

PENGHIBUR DAN PENCERAMAH AGAMA YANG DI'GAM' - JUMLAH

2. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah yang dikenakan gam oleh pihak kerajaan kepada penghibur dan penceramah-penceramah (agama) di tahun 1997 hingga Mac 1998. Apakah garis panduan yang digunakan di atas tindakan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1997 sehingga bulan April 1998 terdapat seorang artis penyanyi yang telah dikenakan gam kerana disabitkan dengan kesalahan oleh

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna 'kena gam' ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: oleh mahkamah dan seorang penceramah agama bebas. Tindakan yang diambil oleh kementerian adalah berdasarkan kepada garis panduan tertentu. Bagi seseorang artis, Garis Panduan Penyiaran digunakan. Di antara intipati kesalahan yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah ialah kesalahan dadah, berkelakuan sumbang dan kegiatan-kegiatan lain yang menyalahi undang-undang negara. Manakala bagi penceramah agama tindakan adalah berdasarkan kepada nasihat JAKIM. Larangan yang dikeluarkan adalah meliputi semua stesen penyiaran.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa lalu RTM membenarkan penceramah-penceramah khususnya penceramah agama dari negara luar. Apakah dasar ini masih diteruskan sehingga sekarang? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai halangan asalkan dia diselaraskan dengan panduan-panduan yang kita telah tekankan tadi di antara syarat-syarat contohnya, tidak mempunyai pandangan bertentangan dengan ahli sunnah wal jamaah ataupun hanya berdasarkan mazhab Shafie, kalau mazhab yang lain tidak boleh pakai, maka tidak ada halangan bagi kita untuk menjemput kerana dengan usaha untuk hendak memperkembangkan dari segi agama, memang tentu selaras dengan dasar-dasar agama kita iaitu agama rasmi agama Islam.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua juga ada bertanya tadi masalah pengertian ataupun definisi perkataan 'gam'. Adakah 'gam' ini terhenti langsung mereka itu boleh berceramah bagi penceramah agama? Tetapi kita tahu banyak penceramah agama menggunakan suasana yang tidak begitu elok menghentam kerajaan, kakitangan kerajaan dan sebagainya, contohnya kadang-kadang ceramah-ceramah termasuk ceramah oleh parti pembangkang seperti Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu dan sebagainya menghentam kerajaan macam-macam, mengapa tidak dilakukan 'gam' itu?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, 'gam' ini ditafsirkan oleh Kementerian Penerangan sebagai satu sekatan kepada pihak-pihak ini termasuk penyanyi dan penceramah agama di mana melibatkan kuasa-kuasa kementerian sendiri. Kita tidak punya kuasa untuk meng'gam' Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu di mana dia memberi ceramah di merata kampung-kampung yang tidak ada liputan radio mahupun TV, maka 'gam' itu kita tidak boleh gunakan. Tetapi bila mana tokoh-tokoh itu terlibat secara langsung menggunakan siaran rasmi kerajaan sama ada radio dan TV di mana hubungkait dengan kementerian, maka kita akan gunakan 'gam'. Itulah tafsiran 'gam' yang digunakan oleh Kementerian Penerangan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, walau macam mana sekalipun, saya ingin mendapat penjelasan adakah seorang ulama yang di'gam' itu terdiri daripada

rakyat Malaysia atau luar dari Malaysia dan adakah dalam keadaan itu membuat rayuan supaya ianya tidak digamkan lagi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang bersabit dengan soalan yang asal iaitu adakah yang tidak di'gam' adalah penduduk bukan negara kita, memang betul, dia datang daripada negara jiran kita iaitu dari Indonesia, namanya Ustaz Nur Salam dan setakat ini selagi dia tidak merujuk dan merayu telah pun keluar daripada ajaran yang tidak selaras dengan ajaran negara ini maka kita tidak akan beri kelonggaran kepada beliau.

KEJADIAN KEBAKARAN - JUMLAH DAN KERUGIAN HARTA BENDA

3. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan: -

- (a) semasa musim kemarau ini berapa banyakkah berlaku kebakaran di negara ini; dan
- (b) berapakah jumlah kerugian harta benda disebabkan kebakaran tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada musim kemarau ini negara telah mengalami sejumlah 3,897 kes kebakaran dari bulan Januari hingga Mac 1998.
- (b) Dari jumlah 3,897 kes kebakaran ini taksiran kerugian harta benda adalah sebanyak RM92 juta, sementara taksiran harta yang dapat diselamatkan adalah sebanyak RM732 juta.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapat tahu bahawa di kawasan Klang terjadi kebakaran yang begitu besar sekali, apakah bantuan yang telah pun dapat diberi kepada penghuni-penghuni tersebut, sama ada bantuan kewangan atau pakaian atau sebagainya, kita nampak bahawa banyak kerugian yang disebut tadi sehingga meningkat RM92 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu patut ditujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat!

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya, tetapi ada kaitan dengan kebakaran itu, apakah bantuan yang telah dapat diberi oleh kerajaan?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab secara khusus oleh kerana kebakaran ini yang khusus di Klang, jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ingin juga saya memberi satu perincian, saya akan beri secara bertulis.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, bakar ini dia ada dua, satu dibakar dan satu lagi terbakar. Dalam hemat kerajaan, adakah insiden-insiden berlaku berpunca daripada dibakar dan kalau ada apakah tindakan kerajaan bagi mengatasinya supaya insiden ini tidak berlaku demi menjamin suasana masyarakat setempat yang perlu kepada tempat kediaman.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, masalah kebakaran “yang dibakar” bermakna dibakar kerana bertujuan (niatnya) hendak membakar, ini kalau hendak ditanya bagaimanakah usaha kerajaan untuk hendak mencegahnya, “niat membakar”, ini adalah sukar hendak diberi jawapan. Tetapi rakyat sentiasa diberi galakan atau diberi rangsangan oleh kerajaan supaya sentiasa berniat baik dan kalaulah wujudnya niat yang tidak baik dan tindakan diambil oleh seseorang itu untuk membakar, maka digalakkan sesiapa yang mengetahui, sesiapa yang tahu jiran atau sesiapa yang nampak yang berbuat demikian, maka diminta pihak yang berkenaan membuat laporan.

Jawab yang khusus, saya tidak dapat memberi hanya kita menggalakkan rakyat kita supaya tidak melakukan jenayah seperti ini, oleh kerana matlamatnya mungkin kerana hasrat peribadi, sakit hati dan sebagainya, tetapi kemusnahan yang berlaku terlalu berat bagi masyarakat dan alam sekitar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sama ada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

mempunyai mekanisme untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko tinggi untuk berlaku kebakaran dan apakah langkah-langkah awal yang dibuat supaya kawasan itu tidak mengalami kebakaran dan akibatnya mangsa-mangsa terpaksa mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Misalannya rumah-rumah pendatang haram yang dibuat tanpa izin, sekarang semakin bertambah bukan semakin berkurangan, itulah yang saya rasa kerajaan lebih baik mengambil tindakan untuk mengawal di peringkat awal daripada cuba hendak memadamkan kebakaran.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya bersetuju dengan saranan Ahli Yang Berhormat tadi bahawa “prevention” adalah lebih baik daripada “cure”, dengan izin, mengelak adalah lebih baik daripada merawat. Sebenarnya setiap kerajaan negeri mencari jalan yang sebaik-baiknya untuk mengawal pembangunan rumah-rumah setinggan. Namun demikian, atas sebab-sebab tertentu wujud juga rumah-rumah setinggan, maka kementerian dan kerajaan (keseluruhannya) negeri dan Pusat mencari jalan membina rumah-rumah murah di tempat-tempat yang sesuai untuk ditempatkan mereka yang menumpang secara haram di tanah-tanah kerajaan.

Tetapi bagi kawasan yang dikatakan berisiko tinggi atau bagi tempat-tempat yang berisiko tinggi adalah seperti kilang-kilang yang menggunakan alat-alat kimia yang berbahaya, minyak dan sebagainya, bangunan-bangunan tinggi. Ini dikawal dengan cara pelan-pelan bangunan sebelum mereka membangunkan bangunan pihak-pihak yang membangunkan bangunan itu telah diberi syarat-syarat ketat untuk mewujudkan sistem kawalan kebakaran yang terkini dan ini dikawal rapi oleh pihak bomba khasnya terutama sekali bangunan-bangunan yang terlalu tinggi di mana kereta-kereta bomba tidak dapat memancut air dengan begitu tinggi, kalau diambil kira seperti Bangunan KLCC yang sudah tentu tidak dapat bagi pasukan bomba menghantar air dengan cara pancutan, maka sistem kawalan api adalah satu sistem yang terkini yang diambil kira dengan cara terperinci.

**PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN -
JUMLAH PEMOHON DAN BANTUAN DILULUSKAN**

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan pekerja yang meminta bantuan kewangan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan berapakah jumlah bantuan yang diluluskan setakat ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat adalah mengenai bilangan pekerja yang meminta bantuan kewangan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Suka saya menyatakan bahawa Kementerian Sumber Manusia ataupun kerajaan tidak ada mewujudkan sebarang tabung ataupun sumber kewangan khas untuk memberi bantuan kewangan secara langsung kepada pekerja-pekerja. Justeru itu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung bilangan pekerja yang meminta bantuan tersebut adalah tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, kementerian ini menerusi Majlis Pembangunan Sumber Manusia ada memperuntukkan sejumlah RM2.2 juta dan ini boleh dinaikkan kepada RM5 juta kalau perlu untuk Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan Kerja. Melalui skim ini, pekerja-pekerja sektor pembuatan dan perkhidmatan tertentu yang telah atau akan diberhentikan kerja serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh memohon untuk mengikuti latihan kemahiran di peringkat Sijil atau Diploma dalam bidang yang diminati. Yuran latihan akan dibayar sepenuhnya kepada penyelia latihan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

Semenjak skim tersebut dilaksanakan pada 2 Mei 1998 sehingga 30 Mei 1998, sebanyak 63 permohonan telah diterima. Daripada jumlah itu, 18 permohonan telah diluluskan dan 23 lagi dipulangkan untuk diisi semula atas sebab-sebab teknikal. Sebanyak 22 permohonan pula telah ditolak kerana pemohon adalah daripada sektor yang tidak diliputi oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia 1994, misalnya dari sektor pembinaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara Malaysia ini membangun begitu pesat dan kerana itu wujud pekerja-pekerja swasta yang meningkat dan apabila mereka bekerja dengan pihak swasta, berkemungkinan mereka bergantung kepada turun naiknya keadaan ekonomi. Jadi, ramai yang mungkin akan terpaksa diberhentikan, kalau sekiranya kegawatan ekonomi ini berterusan.

Soalannya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan, dengan izin, security nett atau sistem sekuriti jaringan di mana mereka menyumbang pekerja atau majikan kepada satu tabung dan apabila mereka ini diberhentikan, tabung ini mungkin dapat membiayai pula mereka yang kena berhenti ini kalau dalam masa setahun sekurang-kurangnya 5% dari gaji dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini wujud di negara-negara lain dan saya rasa elok sangatlah dalam keadaan sekarang ini pihak kerajaan mengambil inisiatif bersama-sama dengan pekerja dan majikan mewujudkan satu social security, dengan izin.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya pada peringkat ini masalah pengangguran di negara kita tidaklah begitu serius, lebih-lebih lagi di peringkat bawahan di kalangan 80% dari pekerja-pekerja kita, walaupun mereka diberhentikan kerja, kita boleh mendapat kerja gantian kepada mereka asalkan mereka tidak memilih tentang kerja ataupun tempat bekerja. Sebagaimana kita tahu, kita mempunyai lebih kurang 2 juta pekerja asing, mungkin lebih dari itu, kalau kita ambil kira juga pekerja-pekerja yang berada di sini secara tidak sah. Cuma di peringkat pertengahan dan ke atas sahaja mungkin dalam jangka pendek ini kita mungkin akan menghadapi sedikit sebanyak masalah.

Kerajaan memang sedang mengkaji, bila saya katakan mengkaji bukanlah ini bermakna hendak melepas tanggungjawab, tetapi memang sedang mengkaji iaitu untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang benar-benar diberhentikan oleh syarikat-syarikat yang dikatakan muflis dan sebagainya, tetapi kita harus berhati-hati dalam perkara ini kerana di negara-negara maju ada

dikatakan 'unemployment benefit' dan kita dapati setengah orang sengaja, kalau boleh bekerja pun dia tidak hendak bekerja sebab dia boleh dapat 'unemployment benefit' dan banyak negara maju ini sedang memikir bagaimana mereka boleh lari dari skim yang telah pun diamalkan begitu lama di negara mereka.

Jadi, kita sedang berunding dan bertukar-tukar fikiran dengan negara maju ini untuk mewujudkan satu skim yang benar-benar dapat memanfaatkan pekerja yang benar-benar retrench dan bukan mengambil kesempatan dari keadaan itu.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di dalam kegawatan ekonomi sekarang, berapakah jumlah yang telah kehilangan pekerjaan di dalam sesuatu bidang, kilang, estet dan lain-lain?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah suatu soalan yang spesifik, saya tidak boleh menjawab dengan tepat tetapi lebih kurang antara bulan Januari sehingga sekarang jumlah pekerja yang telah diberhentikan adalah lebih kurang 30,000 orang - plus minus dan lebih kurang hampir 70% adalah daripada sektor pembuatan dan keduanya adalah dari sektor pembinaan dan ketiganya dari sektor perkhidmatan.

Jadi, kebanyakannya adalah dalam sektor pembuatan, alhamdulillah, oleh sebab sektor pembuatan pada ketika ini pun masih memerlukan berpuluhan ribu pekerja sehingga sekarang pun, tidak berhenti-henti kerajaan mendapat desakan untuk mengambil pekerja dari luar. Jadi, untuk pekerja bagi sektor pembuatan yang diberhentikan kerja itu kita boleh dengan mudahnya mencarikan pekerjaan ganti kepada mereka.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang telah disebut tadi, adakah terlibat memberikan ceramah khusus terutama kepada mereka yang telah diberhentikan, sebagai contoh Sabah Shipyard yang beroperasi di Labuan memberhentikan beberapa ratus pekerja, adakah kementerian ini memberikan ceramah khusus dalam konteks memberi latihan kemahiran sebagaimana yang diperkenalkan oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, skim ini telah pun diisytiharkan menerusi media massa, media elektronik berkali-kali dan di samping itu juga, Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah pun mengatur suatu program untuk pergi ke merata-rata tempat dalam negara ini khususnya di kawasan-kawasan industri untuk memberi ceramah tertentu tentang detail skim ini dan siapakah yang layak untuk membuat permohonan dan rancangan ini sedang dalam proses dijalankan.

**PUSAT PEMULIHAN AKHLAK -
BILANGAN PENGHUNI REMAJA DAN
KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN**

5. **Puan Tan Ah Eng** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan: -

- (a) bilangan remaja lelaki dan perempuan yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak sejak tahun 1990; dan
- (b) sejauh manakah program-program pemulihan yang dijalankan oleh pusat-pusat pemulihan akhlak yang sedia ada berkesan dan peratusnya yang dipulihkan dengan jayanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng, semenjak tahun 1990 seramai 4,100 remaja lelaki dan 1,616 remaja perempuan telah ditempatkan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa program-program pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan akhlak memberi kesan yang positif terhadap sebahagian besar para remaja yang dipulihkan terutamanya dari segi perubahan sikap dan tingkah laku yang menjadikan mereka lebih stabil dan mantap setelah menjalani program pemulihan. Untuk tujuan tersebut, mereka diwajibkan mengikut program keagamaan,

kaunseling dan bimbingan supaya penerapan nilai-nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan diamalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, majoriti atau 86% daripada pelatih yang tamat tempoh pemulihan telah dapat meneruskan kehidupan mereka dengan bekerja di pelbagai sektor pekerjaan dan meneruskan pelajaran selepas keluar dari pusat pemulihan.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak kementerian bahawa pada masa ini 1,616 orang tahanan ataupun yang ditahan di pusat pemulihan akhlak iaitu meliputi wanita. Adakah pihak kementerian mengetahui bahawa pusat-pusat itu juga saya lihat padat sedikit penghuninya, apakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan pusat pemulihan atau membesarkan pusat pemulihan yang ada, sebagai contoh di Batu Gajah.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang mengikut kemerosotan ekonomi, kita tidak ada rancangan untuk menambah bilik ataupun kemudahan di mana-mana pusat pemulihan akhlak atau pusat pemulihan yang dibiayai oleh kementerian dan muatan untuk sekarang adalah mencukupi. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar tadi, Yang Berhormat ada memberi satu angka yang agak banyak juga remaja yang terlibat dengan pemulihan ini, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, apakah jenis kesalahan ataupun perbuatan yang menyebabkan remaja-remaja ini ditempatkan di pusat-pusat pemulihan, berapakah jumlah yang terlibat sekarang ini dan sejauh manakah kerajaan mendapat manfaat remaja dalam masa proses pemulihan di pusat pemulihan itu dari segi memberi kerja sampingan dan sebagainya.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, jenis kesalahan yang dilakukan oleh remaja itu ialah jenayah atau kesalahan yang bersabit dengan harta benda, dengan orang, kesalahan jantina, melanggar Ordinan Tahanan, melanggar Ordinan

Kastam dan Eksais, mereka yang ditangkap sambil mereka berjudi, melanggar undang-undang kecil perbandaran, melanggar undang-undang lalu lintas dan lain-lain seperti merayau tanpa kad pengenalan, masuk kawasan larangan, memiliki bahan lucah, lari dari tahanan dan mereka yang melibatkan diri dalam masalah dadah dan soalan Ahli Yang Berhormat itu panjang, saya harap saya masih ingat soalnya dan akan menjawabnya dengan tepat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Dari segi jumlah yang terlibat dalam masa proses pemulihan dan yang ketiga, semasa mengalami proses pemulihan manfaat yang kerajaan gunakan mereka itu.

Tuan G. Palanivel: Terima kasih. Dari tahun 1990 hingga sekarang, jumlah yang memasuki rumah akhlak dan tempat-tempat pemulihan ialah 7,240 orang dan dari jumlah ini mereka yang mencapai kejayaan dari kursus-kursus dan program-program pemulihan ialah 601,067 orang, yang gagal ialah 1,073 dan semasa mereka berada di pusat pemulihan, kursus-kursus yang diberi kepada mereka ialah untuk pelatih perempuan kita beri mereka latihan kraftangan, jahitan, ekonomi rumah tangga, masakan, catering, cross-stitch, membuat bakery, roti, kek dan pastry, berkebun dan juga kemahiran dalam bidang komputer.

Untuk pelatih yang lelaki pula kita beri mereka kursus dalam bidang motor mekanik, berkebun, membuat kraftangan dari porcelain, menerap batu bata, komputer dan pertukangan kayu. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah pihak kerajaan tidak berminat untuk mengusahakan supaya remaja yang mempunyai masalah seks ini diusahakan untuk dikahwinkan dan diberi kerja untuk mereka?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kementerian berusaha untuk memberi latihan kepada mereka dan juga mendapatkan pekerjaan untuk mereka, tetapi masalah kahwin ini kementerian belum campur tangan lagi. [Ketawa] Terima kasih.

**PEGAWAI BADAN PENCEGAH RASUAH -
PENGLIBATAN DALAM RASUAH**

6. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan benarkah ada rungutan yang mengatakan pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) juga terlibat dengan rasuah. Apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang terlibat dan langkah-langkah untuk membersihkan imej BPR sekaligus mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap badan ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak menafikan terdapat pegawainya yang telah disiasat dan ditangkap kerana melakukan kesalahan rasuah dan penyelewengan. Namun begitu, jumlah yang terbabit adalah amat kecil. Sebagai contoh, antara tahun 1994 hingga 1997, hanya tiga siasatan sahaja telah dilakukan ke atas pegawai BPR melibatkan amalan rasuah dan salahguna kuasa. Pecahan siasatan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun Jumlah Kes

1994	-	Tiada
1995	-	1 (Telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman)
1996	-	Tiada
1997	-	2 (1 kes masih dalam tindakan Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Pendakwaan BPR manakala dalam satu kes lagi Jabatan Peguam Negara memutuskan hanya tindakan tatatertib sahaja diambil ke atas pegawai berkenaan).

Sebagai agensi yang telah diberi tanggungjawab khusus untuk menguatkuasa dan melaksanakan undang-undang mengenai kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, Badan ini amat memandang serius sekiranya terdapat pembabitan pegawai-pegawainya dalam gejala tersebut. Tindakan tegas termasuk pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas mana-mana pegawai BPR yang didapati telah melanggar amanah dan tanggungjawab mereka seperti mana yang pernah dilakukan sebelum ini.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak Akta Badan Pencegah Rasuah yang baru diluluskan, saya hendak tahu berapa ramai ataupun berapa peratuskah peningkatan dan kesedaran orang ramai membuat laporan tentang rasuah kepada pihak BPR?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu peratusnya, tetapi angkanya saya boleh berikan, sebab sejak akta baru diluluskan kita kuatkuasakan mulai 8 Januari 1998, apabila dikuatkuasakan akta baru sejak 8 Januari hingga Mac 1998 kita telah membuat siasatan sebanyak 151 kes daripada 2,898 aduan ataupun maklumat. Daripada 151 kes itu kita telah membuat tangkapan sebanyak 100 kes. Jadi, ini telah kita laksanakan, ini hanya kita menguatkuasakan akta baru ini sejak bulan Januari hingga bulan Mac yang dapat perangkaan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Di dalam Akta Pencegahan Rasuah yang baru kita luluskan dan laksanakan, kalau tidak silap saya ada satu klausa yang menyatakan mana-mana yang dapat proses penyiasatan ataupun dalam proses tangkapan awal sebelum dituduh ataupun dijatuhkan hukuman, nama-nama mereka tidak akan disiarkan oleh media ataupun bahan-bahan penyiaran yang lain. Apakah pendirian kerajaan kerana dalam mutakhir ini ada dua, tiga kes yang melibatkan penangkapan ataupun soal ataupun dalam proses siasatan telah didedahkan dalam dada akhbar, apakah prinsip dan pendirian kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah mana-mana kes yang ditangkap sepatutnya tidak payahlah kita hendak umumkan kepada orang ramai, tetapi apabila perkara ini berbangkit memang bukan sahaja pemberita yang berminat tetapi kadangkala orang ramai pun berminat. Jadi, sebab itulah kita tidak dapat menahan apabila berita itu dikeluarkan. Kita tidak ada hak untuk menahan mereka dari memberikan gambaran apa yang mereka tahu, mereka tidak boleh menulis hukuman sebenar yang telah diterima sebelum selesai dibicarakan tetapi mereka ditangkap atas tuduhan tertentu, memang kita tidak dapat menahan mereka untuk mengeluarkan berita tuduhan kepada orang ramai.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada terbaca di surat khabar, Ketua Setiausaha Negara telah mengumumkan penubuhan panel integriti untuk pegawai-pegawai kerajaan. Soalan saya ialah apakah fungsi panel integriti ini dalam pencegahan rasuah dan bagaimanakah panel ini bekerjasama dengan BPR?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, panel ini motif yang pertama ialah hendak memberi kesedaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan supaya mereka menjauhkan diri terlibat dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan mereka itu dituduh terlibat sama dalam perkara-perkara rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

PEGAWAI PENERANGAN YANG BERTUGAS DILUAR NEGARA - JUMLAH PERBELANJAAN SETAHUN

7. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Penerangan menyatakan perbelanjaan setahun dan jumlah pegawai-pegawai penerangan yang ditempatkan di luar negara dan adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi mereka ini. Apakah kelulusan latihan dan pendedahan yang diberikan kepada mereka sebelum dihantar bertugas ke luar negara.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan sekarang semua urusan penerangan luar negeri adalah diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri termasuklah penempatan pegawai di luar negara. Seramai 14 orang Pegawai Penerangan telah dikaderkan ke Kementerian Luar Negeri dan empat daripada mereka telah ditempatkan di luar negara iaitu di Jakarta, Manila, London dan Jeddah. Tugas-tugas penerangan di perwakilan-perwakilan Malaysia yang tidak mempunyai Pegawai-pegawai Penerangan adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai kedutaan yang lain, khususnya oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Bagi tahun 1997, perbelanjaan keseluruhan untuk menampung perbelanjaan sara hidup dan aktiviti-aktiviti penerangan di luar negara berjumlah RM1,103,181.70. Mengenai latihan, kursus yang pernah diadakan sebelum ini adalah kursus jangka pendek misalnya Kursus Diplomasi Awam yang dikelolakan

oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dalam tahun 1997. Lain-lain kursus jangka pendek yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Penerangan ialah kursus bahasa asing, kursus komputer, pengurusan krisis, pengendalian media dan kemahiran diplomatik yang dikendalikan oleh institusi tempatan.

Sebelum dihantar keluar negara, Pegawai-pegawai Penerangan yang ditempatkan di Kementerian Luar Negeri didedahkan kepada tugas-tugas berurusan dengan media massa asing dan perwakilan-perwakilan asing di Malaysia. Mereka juga diberi pendedahan meluas kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Luar Negeri serta diberi peluang mengikuti perkembangan semasa mengenai isu-isu yang melibatkan peranan Kementerian Luar Negeri di peringkat antarabangsa. Pendedahan dan pengalaman secara berterusan yang dilalui oleh Pegawai-pegawai Penerangan mampu mempertingkatkan pemerhatian dan kecekapan mereka dalam menangani persoalan-persoalan dan isu-isu semasa yang dibangkitkan di luar negara.

Setakat ini pada keseluruhannya, kerajaan berpuas hati dengan prestasi Pegawai-pegawai Penerangan yang ditempatkan di luar negara. Namun demikian, memandangkan bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa yang dinamik dan berkembang, kerajaan sentiasa mengkaji peranan serta tumpuan aktiviti penerangan di luar negara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasakan di dalam kita menghadapi masalah terhakisnya keyakinan pelabur-pelabur dan juga orang-orang antarabangsa terhadap negara kita ini amat perlu sekali Kementerian Penerangan mengambil kira wakil-wakil yang lebih mantap dari segi pemikiran, lebih luas dan mendalam dari segi intelek kerana berdepan dengan editor-editor antarabangsa ini, maklum sahajalah *Washington Post*, *New York Times* dan sebagainya. Jadi adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengambil bekas-bekas wartawan dan editor-editor yang lebih senior di peringkat negara kita ini dan juga pegawai-pegawai Perhubungan Awam atau ahli-ahli, lobby - untuk mereka ditempatkan di pejabat-pejabat kita bersama dengan duta-duta kita bagi menghadapi masalah untuk mengatasi kehakisan keyakinan,

baik pelabur-pelabur dari segi politik, dari segi NGO-NGO yang membuat pelbagai tohmahan kepada kita ini, seolah-olah tindakan daripada mereka yang saya tengok tadi ada empat orang Jakarta, London dan Jeddah kemungkinan tidak mencukupi dan perbelanjaan sejuta mungkin, tentunya tidak mencukupi, kita mahu lebih lagi, tingkatkan lagi jadi apakah pandangan kerajaan terhadap ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat Dato'Aziz. Pandangan itu memang padangan baik. Setakat ini Kementerian Penerangan berpuas hati seperti yang saya nyatakan dengan prestasi kerja. Pegawai-pegawai yang sedang bertugas di beberapa negara seperti London, di Jeddah. Mengikut latar belakang yang mereka perolehi, mereka ini adalah merupakan pegawai-pegawai yang telah pun didedahkan dengan berbagai-bagai, ada antara mereka mempunyai kelulusan yang cukup bersesuaian untuk bertugas di luar negara, namun cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu cadangan yang baik, Kementerian tidak ada halangan sekiranya ada di antara tokoh-tokoh editor yang mempunyai kebolehan dan berminat untuk hendak memberi perkhidmatan seperti apa yang diungkapkan oleh Dato' tadi, sememangnya kerajaan boleh menyambut baik dan boleh mempertimbangkan permohonan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya memandangkan bidang perkhidmatan penerangan luar ini sangat penting dari segi hendak menyakinkan pelabur-pelabur daripada luar dan juga dari segi hendak memperkukuhkan identiti negara ini, sama ada kerajaan bercadang hendak meletakkan perkhidmatan penerangan ini di bawah Kementerian Luar, sebab ini lebih sesuai, kalau tidak, kita jadi double standard. Jadi, Kementerian Penerangan hendak tumpu dalam negeri pun ada masalah, di luar negeri pun tak kesampaian, duit habis banyak. Jadi kalau letak di bawah Kementerian Luar, saya rasa itu lebih sesuai mereka ini boleh selaraskan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pegawai-pegawai ini bertugas bukanlah atas individu ataupun atas landasan kementerian sendiri. Kita menghantar pegawai-pegawai ini bertugas di luar negara, berpandukan as a group, as a pool yang mana meletakkan bahawa dasar

luar negara kita yang dipandu dan dipimpin oleh Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, selaku Menteri Luar Negeri juga memberi panduan yang begitu baik kepada pegawai-pegawai ini di samping kita menokok-tambah berbagai-bagai pendedahan maklumat daripada dalaman negara kita membolehkan kelebihan agar pegawai-pegawai ini dikekalkan di pihak Kementerian Penerangan agar input dari Kementerian Penerangan yang tidak dapat diperolehi daripada input Kementerian Luar sendiri dapat menokok tambah, kekukuhan dari segi kebolehan dan maklumat yang diperolehi dan kita yakin dengan adanya gandingan itu maka ia boleh akan memperkukuhkan, memperjelaskan keadaan kedudukan sama ada prestasi imej negara kita di dalam mahupun di luar negara dan prestasi yang sedang dipaparkan oleh para pegawai ini, saya cukup berbangga, khususnya bila saya melawat ke beberapa negara yang dinyatakan, kita cukup puas hati dengan keupayaan mereka.

‘ZON BEBAS’ DI GELANG PATAH, JOHOR - CADANGAN

KERAJAAN SINGAPURA

8. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementerian akan mengkaji semula cadangan Kerajaan Singapura yang menyatakan hasrat untuk menubuhkan ‘Zon Bebas’ di Gelang patah agar tidak merugikan Malaysia.

Dato’ Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab soalan ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini Kementerian Kewangan tidak menerima sebarang cadangan daripada Kerajaan Singapura untuk menubuhkan ‘Zon Bebas’ di Gelang Patah, Johor.

PEGAWAI KERAJAAN TERLIBAT KEGIATAN MENYELUDUP PENDATANG HARAM - JUMLAH KES DAN TINDAKAN

9. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa bilangan pegawai kerajaan termasuk polis yang terlibat dalam kegiatan menyeludup masuk pendatang haram setakat tahun ini yang disiasat dan ditahan. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai kerajaan termasuk

pegawai polis yang terlibat dalam kegiatan menyeludup masuk pendatang haram yang disiasat dan ditahan antara tahun 1996 sehingga tahun 1998 ialah seramai 12 orang. Tindakan-tindakan yang diambil atas mereka termasuklah dipenjarakan, di buang kerja ataupun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada kerajaan sedar apa yang berlaku di Danok, Bukit Kayu Hitam sekarang ini yang melibatkan banyak perkara yang bercanggah dari segi undang-undang dan paling malang kerana rakyat Malaysia yang terlibat di tempat itu. Jadi, kerajaan lain yang mendapat manfaat, saya tahu perkara ini sensitif, tetapi ini tidak harus diambil sebagai perkara yang ringan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahu, apa yang patut kerajaan sedar ni, jadi kalau boleh diterangkan dengan lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Cara tulislah. Ya, cara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara, memadai setakat timbulkan isu, benda ini tanggungjawab kementerian itu sendiri untuk siasat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Insya-Allah. *[Ketawa]*

**LORI DAN BAS DILETAKKAN DI KAWASAN TAMAN-TAMAN
PERUMAHAN - CADANGAN TINDAKAN HUKUMAN/
DENDA YANG LEBIH BERAT**

10. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian sedar banyak lori dan bas telah diletakkan di sekitar kawasan taman-taman perumahan walaupun tiada kelulusan bagi mereka berbuat demikian dan ianya menimbulkan banyak masalah kepada penduduk-penduduk taman tersebut dan mereka juga didapati memandu dengan laju. Tindakan yang diambil oleh pihak Bandaraya, Majlis Tempatan dan Majlis Daerah pada masa ini tidak mencukupi. Bolehkah pihak yang berkuasa mengenakan denda yang lebih berat lagi terhadap tuan-tuan punya lori dan bas tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang masalah lori-lori dan bas-bas yang diletakkan di sekitar kawasan taman-taman perumahan.

Justeru itu dalam tahun 1993 pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini kepada Majlis Negara bagi kerajaan tempatan. Di antara langkah-langkah adalah cadangan bagi kerajaan negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri memajukan tanah milik mereka sebagai tapak terminal dan mengenakan bayaran. Di samping itu dicadangkan juga tuan punya tanah bersendirian menjadikan tanah tersebut sebagai terminal lori dan mengenakan bayaran. Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh membenarkan lori-lori diletakkan di kawasan yang sesuai dalam kawasan bandar dan mengenakan kadar bayaran tertentu. Cadangan-cadangan ini telah pun dirujuk kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan sewajarnya. Berhubung dengan cadangan supaya mengenakan denda yang lebih berat ianya juga diberi pertimbangan.

**MAHKAMAH SYARIAH - KERJASAMA DAN MASALAH
KEKURANGAN PEGAWAI TERLATIH DALAM
UNDANG-UNDANG SYARIAH**

11. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terbaru Mahkamah Syariah di Malaysia:

- (a) adakah Kerajaan Pusat menghadapi masalah untuk mendapatkan kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah; dan
- (b) adakah masih wujud masalah kekurangan pegawai terlatih dalam undang-undang syariah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan:

- (a) Kerajaan Pusat sentiasa mendapat kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah. Mekanisme yang digunakan bagi kerjasama tersebut ialah melalui:
 - (i) Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;

- (ii) Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (iii) Jawatankuasa teknikal penyelarasan undang-undang sivil dan syarak yang di-pengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Ibrahim; dan
- (iv) Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM.

Bagi soalan,

- (b) Kerajaan telah berusaha dari masa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai syariah. Latihan-latihan dan kursus telah diadakan dalam beberapa bidang tertentu antara lain:
 - (i) pengenalan asas mengenai pentadbiran mahkamah;
 - (ii) etika mahkamah;
 - (iii) penyediaan saman sapina, waran tangkap, waran geledah, bon dan notis perbicaraan;
 - (iv) undang-undang keterangan dan pemakaian-nya dalam perbicaraan; dan
 - (v) penghukuman dan pelaksanaan perintah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kekurangan pegawai dalam undang-undang syariah ini, saya dapati kes-kes dalam Mahkamah Syariah adalah lambat, yang saya hendak kemukakan Tuan Yang di-Pertua ialah dalam Mahkamah Sivil, kita ada hakim perempuan, dalam Mahkamah Syariah tidak ada hakim perempuan. Saya tahu mengikut hukum Mazhab Syafie secara automatik kita tidak boleh mengadakan hakim, tetapi tidak bolehkah kita mengadakan pembantu hakim terdiri daripada wanita di Mahkamah Syariah sebabnya 1-1 saya tidak hendak menyebut firman Allah S.W.T, yang ini saya kemukakan dalam ucapan saya dari segi acara Mal nanti, tapi setakat ini saya hendak tanya kerajaan sebab saya dapati kurang pegawai wanita khususnya pembantu hakim sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Pembantu hakim, dia naik atas, Kerusi di atas kan..

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, Tuan Yang di-Pertua, sama dengan Yang di-Pertua duduk atas itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak boleh jadi hakimkan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi setakat ini tidak ada pembantu hakim. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada dalam Mahkamah Syariah Tuan Yang di-Pertua, yang ada di Mahkamah Sivil, iaitu Datin Normah Yaakob seorang daripadanya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki yang membela bagi pihak kaum perempuan. Sebenarnya soal-soal wanita menjadi pembantu hakim ini tidak ada masalah boleh diadakan, tetapi masalah kekurangan sekarang ini bukan kerana tidak wanita tidak lelaki tetapi perjawatan bagi kehakiman syarak ini terletak kepada kerajaan negeri maka sebab itu pada tahun lepas, Parlimen telah meluluskan bahawa Kerajaan Pusat boleh mengadakan jawatan gunasama bagi Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan pada masa ini lima buah negeri telah bersetuju untuk menggunakan pegawai gunasama di bawah Kehakiman Syarak yang diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, negeri-negeri itu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Negeri-negeri lain sedang berusaha untuk memasuki bersama-sama dalam jurusan ini, maka apabila Jabatan Kehakiman Syariah di peringkat Persekutuan ditubuhkan bagi berkhidmat kepada negeri-negeri, maka tidak timbul lagi soal kekurangan kakitangan dan juga tidak timbul soal wanita, ini boleh diselesaikan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, mungkin soalan ini agak terkeluar sedikit tapi oleh kerana demi untuk kebaikan orang ramai, saya ingat perlu penjelasan. Respond kepada masalah kekurangan pegawai-pegawai syariah ataupun pegawai terlatih ini, timbul beberapa masalah di mana masalah tuntutan waris di kalangan orang Islam, bagi orang yang tidak beragama Islam mereka menggunakan Jadual Tiga apabila menuntut. Bagi orang Islam, bila menuntut kita kena tunggu hukuman daripada Mahkamah Syariah dan apabila penuntut ini terutama mereka yang mempunyai sebagai contoh, orang yang meninggal ini, meninggalkan ASN atau ASB untuk menuntut kadang-kadang berbulan-bulan dan bayaran dia kadang-kadang lebih besar daripada yang dituntut.

Jadi apakah kementerian atau kerajaan berhasrat untuk menyelesaikan terutama masalah kelambatan tuntutan waris ini dan barangkali masalah tentang kekurangan pegawai inilah, mungkin yang menyebabkan ianya berlaku, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, masalah kelambatan kes dalam mahkamah, sama sahajalah – Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Bilangan back-logs yakni kes-kes yang tertanggung memang banyak tetapi Mahkamah Syariah ialah mengenai hal rumah tangga. Orang tidak boleh bersabar kerana tuntutan anak tetapi boleh bersabar tuntutan di mahkamah sivil iaitu perkara yang melibatkan jumlah ringgit yang besar tetapi apabila berebut anak kedua-duanya tidak boleh tidur. Jadi, dia akan mendesak mahkamah supaya dipercepatkan. Jadi, insya-Allah apabila diselaraskan pentadbiran Mahkamah Syariah di peringkat Persekutuan, perkara ini insya-Allah, tidak timbul lagi.

LEMBAGA TABUNG HAJI – SUMBANGAN MAKANAN PERCUMA

12. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Tabung Haji akan meneruskan sumbangan makanan percuma dan air zam-zam kepada semua bakal haji.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, Lembaga Tabung Haji akan terus menyediakan kemudahan sajian makanan percuma kepada jemaah haji Malaysia di tanah suci di musim haji yang akan datang sebagai sebahagian daripada amal jariah seperti mana yang dijalankan pada tahun ini manakala bekalan air zam-zam pula, ianya juga akan diteruskan agihannya kepada bakal-bakal haji secara percuma. Walau bagaimanapun, semua ini tertakluk kepada pendapatan Lembaga Tabung Haji.

Untuk makluman, pada tahun ini tiap-tiap jemaah Lembaga Tabung Haji berbelanja kira-kira RM800 untuk makan sepanjang masa mereka berada di tanah suci.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan tambahan saya, kebetulan saya pun baru pulang dengan Yang Berhormat Datuk sendiri. Pertamanya, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Lembaga

Tabung Haji, bukan sahaja daripada rakyat Malaysia, malah daripada rakyat antarabangsa yang telah menunaikan fardu haji baru-baru ini – yang melihat pengurusan Lembaga Tabung Haji di Mekah, Jeddah dan juga di Madinah dengan jayanya.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya sumbangan makanan percuma ini dengan kadar RM800 seorang sebagaimana saranan Yang Berhormat Menteri tadi, telah memberi sumbangan yang agak baik kepada jemaah haji. Apakah jumlah tambang dan kos keseluruhannya di masa-masa akan datang kerana kos tambahan ini akan melibatkan kos keseluruhan pemergian jemaah haji ke Mekah di masa-masa akan datang.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan kepada Lembaga Tabung Haji kerana itulah tugas kita dan alhamdulillah, pengendalian jemaah haji kita selalu menjadi contoh dan disebut-sebut oleh orang luar dan menjadi contoh kepada pengendalian haji di Mekah.

Bagi soalan tambahan tadi, kita akan tengok keadaan kewangan negara dan kedudukan Ringgit pada tahun-tahun yang akan datang – adakah kos tambahan akan dikenakan ke atas jemaah haji atau tidak, ini terpulang kepada kedudukan keuntungan Lembaga Tabung Haji dalam perniagaannya dan juga kepada kedudukan pertambahan yakni peratus pertambahan belanja tambang kapal terbang dan tambang kenderaan semasa di tanah suci dan juga sewaan. Setakat ini pihak kerajaan tidak dapat menentukan sama ada akan diteruskan seperti mana tahun lepas iaitu tidak dikenakan belanja kos ekstra kejatuhan Ringgit itu ke atas bakal haji kerana itu adalah sebab-sebab tertentu kita telah janjikan dengan jemaah haji bahawa jumlah yang dikenakan sebanyak RM6,000 dari segi kerajaan memikirkan kalau kita tambah pada masa itu, mungkin ada orang yang tidak berdaya, maka namanya akan digugurkan. Jadi, faham sendirilah kalau ketua cawangan UMNO kena gugur daripada senarai (list) haji, maka menteri dan orang yang berkenaan duduk dalam keadaan yang tidak selamat. *[Ketawa]* Jadi, itulah keadaan yang lepas. Jadi, apabila kita janjikan RM6,000, nama mereka telah disenaraikan dan

mereka telah diberi surat tentang hendak bertolak ke Mekah, maka tidak wajarlah lagi dari segi mengenakan bayaran yang lebih kerana itu membebankan dia dan menyebabkan kecil hati tetapi bagi orang yang belum pergi, mengikut syarak, orang yang tidak berdaya membayar kos-kos tertentu, maka haji tidak diwajibkan ke atas dia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan ataupun Lembaga Tabung Haji pernah memikirkan dan berusaha untuk mendapatkan kuota haji yang diberi kepada umat Islam yang minoriti supaya kuota haji itu dapat diperluaskan memandangkan sekarang ini mereka yang hendak pergi menunaikan haji terpaksa menunggu setahun ataupun lebih daripada tiga tahun?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kuota haji ini memang persetujuan kita dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC pada tahun 1986 di Amman bahawa bilangan jemaah haji perlu dihadkan kerana kemudahan-kemudahan yang ada di Arab Saudi dari segi keluasan tanah dan sebagainya adalah terhad iaitu kira-kira 0.01% bagi rakyat sebuah negara, yakni bagi satu juta orang hanya seribu orang yang layak pergi.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa merayu kepada Arab Saudi supaya sedikit kelonggaran diberi. Maka, inilah rayuan kita tiap-tiap tahun tetapi walau bagaimanapun, saya suka menyatakan kepada bakal jemaah haji kita di Malaysia, bahawa kalau kuota tidak cukup, maka haji tidak diwajibkan ke atasnya. Itu hukum syarak.

MENGAMALKAN RAWATAN SENDIRI BAGI PENYAKIT RINGAN – PROGRAM DAN TINDAKAN KERAJAAN

13. **Puan Hajah Hunaizah binti Haji Mohd. Noor** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah program dan tindakan yang telah dilakukan serta kejayaan yang diperolehi bagi:

- (a) membantu rakyat di negara ini terutama golongan berpendapatan rendah bagi mengamalkan rawatan sendiri bagi penyakit-penyakit ringan seperti selsema, batuk dan sebagainya; dan

- (b) membanteras pengeluaran dan penjualan ubat-ubat tiruan atau palsu di pasaran yang bukan sahaja menipu dan merugikan, malahan membahayakan kesihatan pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan mempunyai program dan tindakan di dalam usaha secara tidak langsung membantu golongan berpendapatan rendah untuk mengamalkan rawatan sendiri bagi penyakit ringan seperti selsema, batuk dan sebagainya. *[Disampuk]* Bukan Viagra! *[Ketawa]* Di antara program/tindakan yang telah dan sedang dilakukan ialah:
 - (i) pendaftaran ubat-ubatan. Ini dilakukan bertujuan untuk memastikan bahawa semua ubat yang digunakan atau dipasarkan di Malaysia adalah selamat, berkesan dan berkualiti.
 - (ii) ubat-ubatan untuk penyakit ringan seperti di atas boleh diperolehi di kedai farmasi dan dengan ini pengguna dapat menerima khidmat nasihat mengenai ubat daripada ahli farmasi dengan percuma;
 - (iii) maklumat penting mengenai ubat ada tertera di bungkusan ubat dan maklumat tambahan (risalah) mengenai ubat berkenaan ada disisipkan bersama di dalam bungkusannya;
 - (iv) menguatkuasakan undang-undang mengenai iklan ubat yang tertakluk kepada Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, bertujuan supaya tidak ada sebarang pengiklanan mengenai ubat dan penyembuh yang boleh mengelirukan orang ramai di media massa.
- (b) Bagi membanteras pengeluaran dan penjualan ubat-ubat tiruan atau palsu di pasaran, Kementerian Kesihatan juga telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengatasinya. Antaranya ialah:

- (i) seperti mana yang telah dijawabkan di atas, kesemua ubat yang berada di pasaran hendaklah didaftar terlebih dahulu dengan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) sentiasa mengawal selia penjualan ubat-ubatan di pasaran dengan mengambil sampel-sampel di pasaran dan mengujinya. Pada tahun 1996 sebanyak 531 sampel telah diambil dan diuji. Begitu juga pada tahun 1997 sebanyak 602 sampel diambil dan diuji;
- (iii) mengadakan operasi-operasi serbuan ke atas premis-premis atau penjual ubat-ubat yang menyalahi undang-undang yang sedia ada. Bagi tahun 1997 sebanyak 1,797 item yang bernilai RM1,141,929 manakala bagi tahun 1998 (sehingga bulan Mac) sebanyak 963 item yang bernilai RM585,875 telah dirampas;
- (iv) mengadakan operasi khas untuk mengesan ubat-ubat tiruan di pasaran. Pada tahun 1997, satu operasi seperti ini telah dibuat. Sejumlah 1,212 sampel ubat telah dikutip yang terdiri daripada 10 jenama popular di pasaran. Ubat-ubat daripada 4 jenama telah dikenal pasti mempunyai ubat tiruan. Ubat-ubat ini telah diperolehi daripada kedai makan, gerai kaki lima, kedai runcit dan kedai ubat/toko/ayuverdik. Pengguna-pengguna dinasihatkan untuk memperolehi ubat-ubatan daripada klinik-klinik dan farmasi-farmasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 38 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) (NO. 2) 1997**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [28 Mei 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

3.42 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya mengenai suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu cadangan pindaan kepada subseksyen 169(15) Akta Syarikat 1965 adalah untuk menghendaki kenyataan yang dibuat oleh dua orang pengarah mengenai sama ada akaun-akaun syarikat memberi gambaran sebenar dan disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan adalah dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah. Ini adalah untuk memastikan semua pengarah sedar dengan kenyataan yang akan dibuat oleh dua orang pengarah yang tersebut.

Cadangan pindaan ini juga mencadangkan pindaan kepada seksyen 174 untuk menghendaki juruaudit sebuah syarikat melaporkan dalam laporannya kepada ahli-ahli syarikat sama ada akaun syarikat telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh MASB dan memberi pandangan-pandangan yang sewajarnya jika ianya disediakan tidak mengikut piawaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain cadangan pindaan seperti pindaan kepada seksyen-seksyen 194, 195, 319 dan 324 adalah dibuat untuk membetulkan alumni sahaja dan hanya melibat pertukaran istilah ‘perisytiharan’ kepada istilah ‘perintah’ berhubung dengan kuasa menteri di bawah seksyen-seksyen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Dato' Ghazi.

3.45 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan, lebih-lebih lagi yang pertama di dalam perbahasan mengenai pindaan Akta Syarikat 1965.

Keduanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kementerian kerana penyampaiannya terang, jelas dan kita faham maksud mengapa pindaan-pindaan terpaksa dibuat dan hanya ada tiga perkara yang hendak saya bangkitkan. Cuma pendekatan yang saya ingin buat kali ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi notis terlebih dahulu bahawa perkara yang saya hendak bawa ini ialah satu perkara yang agak revolusionary – yang agak berlainan. Saya ada tiga perkara yang amat mustahak tetapi yang ketiga itu lebih terpenting daripada yang kedua. Jadi, saya beri notis ini supaya diikuti dengan jelas dan terang supaya dapat kita berkongsi pendapat tentang apa yang saya hendak cakapkan ini supaya dapat dihebah-hebahkan dan semoga cadangan ini jika dikaji dan diterima, dikupas dengan mendalam, akan menjadi satu kemegahan dan kebanggaan kepada Malaysia selaras dengan pembentukan Koridor Raya Multimedia yang telah diusahakan dengan begitu gigih oleh kerajaan kita khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyebut tentang Fasal 2 seksyen 11 – dengan izin, 'electronic filing of documents' di mana kementerian mencadangkan supaya syarikat-syarikat menyampaikan maklumat-maklumat yang terkini mengikut akta ini secara kaedah elektronik. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian kerana nampaknya pihak kementerian

begitu peka sekali dengan perkembangan terakhir mengikut teknologi maklumat yang global ini yang kita sendiri, Malaysia, cuba menjadi jaguh dunia kerana kita memulakan Koridor Raya Multimedia yang terawal sekali, walaupun negara-negara lain berbuat dalam bentuk yang berlainan.

Saya rasa kepekaan pihak kementerian ini patut diterima baik oleh syarikat-syarikat swasta walaupun mengikut cadangan yang disebut itu, syarikat-syarikat berkenaan hendaklah mendaftarkan diri dengan Pendaftar Syarikat yang menganggapkan dirinya sebagai pemberi khidmat, dengan izin, service provider. Cuma Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya nampak ada dikenakan juga yuran atau bayaran. Saya tidak tahu berapa banyak bayaran yang akan dikenakan tetapi dalam keadaan zaman kemelesetan dan kegawatan ekonomi ini, saya harap bayaran yang dikenakan tidaklah seberapa kerana kalau sedikit pun 'hurt'nya – kesan buruknya adalah terlalu amat terasa sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini kerana dalam masa kita membudayakan IT – dengan kempen IT seluruh negara, IT sebagai budaya hidup kita, kalau langkah baik kementerian untuk menggalakkan penggunaan elektronik dari segi perkhidmatan yang begini akan tercacat kalau sekiranya ianya tidak diselaraskan atau tidak diseimbangkan dengan bayaran, lebih-lebih lagi sensitivitinya dalam keadaan kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Fasal 3 subseksyen 16(2) dan 16(8). Perkara ini memberi Pendaftar kuasa supaya menolak mana-mana syarikat yang hendak mendaftar kalau sekiranya Pendaftar itu berpuas hati yang ada kemungkinan syarikat atau badan ini dapat disalahgunakan. Saya rasa langkah ini adalah langkah yang amat baik sekali, lebih-lebih lagi bila saya perhatikan keprihatinan pihak kerajaan menggunakan ungkapan-ungkapan seperti kebajikan, ketertiban, kemoralan – soal moral, tertib dan baik semuanya dibangkitkan dalam cadangan pindaan akta ini. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana menunjukkan keprihatinan pihak kementerian tentang cara-cara badan-badan NGO ini memutar-belitkan hal-hal kerana mungkin mereka berselindung di belakang perkataan-perkataan ini.

Perkataan-perkataan yang bunyinya sedap, lebih sedap ertinya lebih subjektif, lebih keawang-awangan dan lebih tidak senang untuk kita mencari salah, oleh kerana itu pindaan ini amat tepat sekali dan kena pada masanya.

Saya rasa dengan kesedaran yang ditunjukkan oleh pihak kementerian, bolehlah pihak kementerian memberi notis kepada badan-badan NGO ini mengatakan bahawa walaupun badan-badan ini aktif di sini – di dalam negeri dan kita tahu ada setengah daripada setengahnya mendapat sokongan dan ilham juga bantuan secara langsung dan tidak langsung, secara moral ataupun tidak moral, secara wang ataupun yang bukan wang. Kita ingin memberi notis kepada orang-orang luar negeri juga bahawa apa sahaja hajat mereka, Kerajaan Malaysia melalui pindaan Akta Syarikat 1965 ini telah begitu prihatin dan memang berjaga-jaga. Oleh kerana itu pihak badan-badan NGO di dalam dan di luar negeri janganlah cuba-cuba hendak memutarbelitkan, jangan cuba-cuba hendak memperkecilkan kebijaksanaan kepimpinan kerajaan negara Malaysia ini kerana kita telah pun menunjukkan bahawa kebolehan kita untuk mengenal pasti dan berbuat sesuatu bila kita hendak adalah telah amat menyerlah sekali.

[Dua orang pemberita akhbar keluar Dewan]

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya bercakap, saya ingat tadi saya tidak mahu komenlah mengenai media ini. Sedang saya bercakap, walaupun saya beri notis kata hendak bercakap tentang satu yang baru di dunia, dua orang pemberita akhbar keluar. Saya ingat kalau mereka tidak tulis pun tidak apa tetapi sekurang-kurangnya dia dengar dahulu notis yang ketiga ini. Tetapi, tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya rasa mustahak hendak dibangkitkan ialah mengenai Fasal 5 seksyen baru 166A. Ini mengenai kehendak untuk mengeluarkan akaun mengikut piawaian perakaunan, dengan izin, menggunakan 'compliance with approved accounting standard'. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini begitu amat mustahak sekali dari segi laporan. Kita tahu beratus ribu syarikat yang ada di dalam Malaysia, malah di dunia menjalankan aktiviti dan semuanya dikehendaki mengeluarkan laporan tahunan. Tiap kali laporan tahunan dikeluarkan, di antaranya yang dikehendaki untuk dilaporkan ialah

mengenai penyata kewangan, neraca kira-kira, dengan izin, balance sheet dan aliran wang tunai dan di samping angka-angka dalam bidang ini biasanya diselitkan/disekalikan juga dengan laporan oleh pengerusi syarikat.

Biasanya, dalam 99% laporan-laporan kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat, pengerusi syarikat tidak ketinggalan menyatakan bahawa tenaga manusia merupakan satu aset atau harta yang amat mustahak kepada syarikat. Kita mengakui ini, semua orang menyebut ini mengatakan bahawa human resource – sumber manusia itu adalah aset yang mustahak tetapi sambil kita membawa ‘narrative’nya yang diceritakan dengan begitu baik dan menarik dengan gambar-gambar yang menarik tetapi apabila kita perhatikan kepada angka-angka dalam akaun-akaun yang saya sebutkan tadi, tidak ditonjolkan dengan terang apakah sebenarnya nilai human asset ini – nilai tenaga manusia yang kita kata terlalu amat mustahak ini.

Dalam persembahan akaun-akaun ini, khususnya dalam balance sheet, dengan izin, disenaraikan harta-harta yang biasa – harta syarikat, tanah, bangunan, bangunan komersial, alat pejabat, mesin, mesin IT dan sebagainya. Semua harta yang tangible, dengan izin, tetapi harta kuasa manusia, the brain power yang kita katakan harta intelek itu tidak ada penilaiannya. Kalau selalunya kita katakan harta intelek itu amat mustahak, pada saya sampailah masanya pakar-pakar perakaunan – mungkin boleh diusahakan melalui pihak kementerian sendiri supaya diberi pendekatan khusus tentang cara-cara kita hendak menilai kuasa minda kita ataupun kuasa intellectual property, harta intelek.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begini, sebelum saya ulas dengan lebih panjang kerana terdapat dalam tangan saya yang saya hendak tunjuk ini majalah *Fortune Magazine* tahun 1994 [*Menunjukkan majalah tersebut*] yang ada cerita tentang hal ini di muka surat hadapan. Tajuknya ialah ‘*Intellectual Capital*’ – Harta Intelek, dengan izin, “Your company’s most valuable asset” – harta yang ternilai sekali dalam syarikat. Yang ditulis di sini ialah “New ways to build it and measure it”, dengan izin, ertinya ada cara yang diberi ungkapan, cara kita hendak

mewujud, menghidup, membesar dan menguatkannya dan cara bagaimana kita hendak mengukur kekuatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tajuk ini amat mustahak sekali dalam kita mewujudkan Koridor Raya Multimedia. Tajuk '*Intellectual Property*', dengan izin, tajuk Harta Intelek amat begitu relevan sekali. Kalau dalam tahun 1994 telah pun diperkatakan oleh majalah *Fortune Magazine* ini dan mengikut cerita yang saya baca dalam ini ada satu syarikat daripada Sweden telah pun memulakan ini dan mereka telah memulakan pada tahun 1994 dan membuat percubaan-percubaan dan telah pun terhasil kajian-kajian mereka bahawa dengan memberi pendekatan seperti ini mereka telah dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit dan telah dapat menarik perhatian pelanggan-pelanggan meningkat begitu banyak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang berkenaan telah juga membuktikan kehandalan mereka dengan mengeluarkan laporan-laporan kewangan yang berbentuk baru. Ini juga ada dalam tangan saya. Yang berbentuk baru ini khusus mengenai penilaian tentang harta intelek. Ini dijadikan sebagai laporan sampingan daripada lampiran tradisional laporan tahunan syarikat yang telah biasa kita tengok.

Dengan perkataan lain, saya ingin 'highlight'kan kepada Tuan Yang di-Pertua, begini. Kalau kita memikirkan dari segi analogy, kalau kita melihat sebuah pohon rambutan yang berbuah di musim buah-buahan, laporan akaun yang dikeluarkan tiap-tiap tahun mengikut piawaian yang ada sekarang menceritakan tentang buah-buah yang terbit, buah-buah rambutan yang merah, yang kuning, yang hijau. Ada banyak yang cerita sedikit tentang daun-daun, ranting-ranting dan sebagainya. Sebenarnya yang mengeluarkan buah yang baik ataupun yang tidak baik ialah patut kita lihat dari segi akar umbinya, bagaimana kita menyediakan semaian dari awal, bajanya, airnya, cuacanya, iklim dan persekitarannya.

Oleh kerana itu, telah pun disebut oleh syarikat yang berkenaan yang berjaya dengan percubaan itu mengatakan bahawa dalam masa 10 tahun, 20 tahun yang akan datang trendnya ialah akaun-akaun syarikat ini patut terbalikkan laporan ini. Kalau kita perhati kepada pokok rambutan tadi, terbalikkan bagi akar-akar itu naik dan buah-buah itu di dalam tanah. Ertinya, laporan utamanya ialah mengenai

harta intelek, bagaimana kita mengukur kekuatan individu, kekuatan pengurusan di mana-mana peringkat yang bekerja dengan syarikat itu. Dan yang menjadi appendix atau lampirannya ialah angka-angka yang kita perhati sekarang dari segi akaun untung rugi, neraca, balance sheet, dengan izin, cash flow statement dan sebagainya.

Sebenarnya saya rasa amat terpicik dengan pendekatan ini kerana kaedah akaun yang kita panjang-panjangkan sebenarnya berumur lebih daripada 500 tahun. Dalam zaman teknologi maklumat yang kita lihat kepada harta intelek sebagai terlalu amat mustahak, apakah tidak sampai masanya Malaysia memulakan kajian ini supaya keseluruhan laporan syarikat dapat diubah. Kita yang mula, di mana boleh kita mula - kita ada Koridor Raya Multimedia, kerana inilah pentas untuk percubaan. Di mana yang baik lagi kita mulakan patut kita mulakan - di Universiti Multimedia sendiri yang letaknya di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia. Ini adalah simbol sebagai satu “kilang untuk mengeluarkan kekuatan tenaga manusia”, dengan izin, the factory for human resource, khususnya yang bersikap knowledge-based ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya kira Universiti Multimedia, oleh kerana universiti ini pun baru dan saya percaya tenaga pengurusannya pun baru, tenaga pensyarahnya pun baru walaupun ianya datang dari berbagai-bagai tempat, saya rasa badan yang baru ini amat sesuai untuk melihat benda yang baru seperti ini. Saya nampak kalau sekiranya Universiti Multimedia memulakan kursus, umpamanya kalau boleh kita panggil sebagai kursus pengurusan ilmu (knowledge management) ataupun beri apa sahaja tajuk asalkan masuk juga bidang perakaunan untuk mengkaji dan menilai tenaga intelek yang kita ada. Saya rasa syarikat-syarikat tentu akan tertarik dengan kaedah ini, kerana telah pun juga dibuktikan bahawa apabila seseorang itu bekerja dalam sesuatu syarikat, kalau kita tidak ada keadah untuk memberi penilaian yang betul, tidak ada kaedah supaya ilmu pengetahuan dan pengalaman dia tidak dapat diperturunkan, disimpan di dalam syarikat yang berkenaan, maka syarikat itu akan

hilang begitu sahaja. Oleh itu, pendekatan ini juga akan mendatangkan faedah kepada syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil andaian bahawa Universiti Multimedia itu menerima dan membuat perancangan untuk mengeluarkan graduan-graduan yang mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk menyediakan akaun dalam bentuk yang baru, mengambil andaian itu kita boleh lanjutkan selangkah lagi, kita boleh lanjutkan melalui, dengan izin, Malaysian Society of Accountant, saya tidak boleh hendak translate tetapi tidak mengapalah, supaya dapat dijadikan sebagai satu accounting standard yang dapat diterima oleh badan ini. Oleh kerana badan ini badan profesional, mereka boleh meng'influence'kan syarikat-syarikat lain untuk menggunakan kaedah ini, asalkan tidak melanggar Akta Syarikat. Tetapi walaupun saya katakan di sini, inilah saya rasa relevan saya bercakap di sini, walaupun katakanlah development ataupun pembangunan mengenai hal ini sampai kepada tahap menghendaki perubahan Akta Syarikat, maka saya rasa kementerian sudah ready, telah mendengar keperluan hal ini dan bolehlah dibentangkan pula di kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk membuat pindaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lanjutkan lagi, kalau telah kita mula di universiti sebagai yang pertama dalam dunia mengeluarkan daripada Koridor Raya Multimedia, dengan izin, Malaysian Society of Accountant pertama di dunia mengamalkan ini dalam syarikat swasta, maka kita boleh lanjutkan ini supaya ia dijadikan international accounting standard ke seluruh dunia. Saya berani berkata begini kerana dalam kajian-kajian syarikat yang berkenaan bukan sahaja syarikat yang berkenaan telah berjaya, malah dia telah dapat menarik minat syarikat-syarikat besar lain di Amerika untuk membuat amalan yang begini walaupun ia masih belum perfect lagi kerana maklumlah benda yang baru. Jadi, kalau benda yang baru yang masih orang mengkajinya, inilah pentas dunia yang sudah kita wujudkan, yang kita katakan 'test-bed' Koridor Raya Multimedia ini, kita patut manfaat dan capitalise, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi gambaran kelainannya tentang penyampaian laporan ini, saya ingin petik sedikit sahaja untuk memberitahu supaya dapat kita merasai apa kelainannya dengan laporan-laporan yang sedia ada. Saya beri contoh, yang tradisional tidak payah saya sebut kerana kita tahu. Yang bukan tradisional, yang saya cuba cadangkan di sini, di Dewan yang mulia ini berbentuk begini. Ini sebagai maklumat tambahan, yang tradisional sudah ada. Ia memberi fokus kepada aspek kewangan, satu, itu biasa, dirangkaikan dengan diberi fakta-fakta baru, new terminology. Lagi satu fokus kepada pelanggan, semuanya dinilai. Mana ada fokus kepada pelanggan diberi penilaian. Lagi satu fokus kepada human, kepada manusia, pun ada nilai. Macam kita kata nilai bangunan itu RM1 juta, nilai bangunan ini RM10 juta, nilai bangunan yang lain RM100 juta. Ini semua ada penilaian, saya tidak payah sebut angkanya. Juga diberi fokus yang keempatnya kepada proses. Kita tahu dalam amalan pengurusan setiap perilaku hendaklah diuruskan sebagai satu proses dari A kepada B kepada C dan sebagainya. Proses ini pun diberi penilaian. Bidang kelima yang telah diberi penilaian ialah dengan izin, renewal and development focus, fokus kepada pembaharuan dan pembangunan.

Dalam kelima bidang ini mereka telah menunjukkan dengan cara yang berlainan, dengan menggunakan sedikit kreativiti untuk menyampaikan laporan syarikat, kita tidak pernah melihat umpamanya laporan syarikat disertakan dengan bunga yang sebegini baik umpamanya. Ini mempunyai rasionalnya yang tersendiri kerana mereka memperluaskan konsep yang telah saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyampaikan hajat saya, saya berasa puas dan berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya berkongsi pendapat dalam hal ini, dan saya rasa kalau ini diberi penekanan yang amat serius, ini lagi sekali merupakan sesuatu yang baru di dunia yang kita buat. Saya percaya dan yakin penuh dengan kebolehan kita, dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia, dengan prasarana, dengan tenaga kerja yang begitu baik yang saya mesti mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Multimedia Development Corporation, Perbadanan Pembangunan Multimedia itu

sendiri, kerana bekerja dengan begitu gigih untuk membuat sesuatu yang orang lain fikir tidak boleh buat, kerana mereka sekarang bertungkus-lumus, bersusah payah berada di tengah-tengah kawasan yang tidak begitu siap lagi, tetapi mereka telah berbulan-bulan pindah ke situ dalam serba kesukaran. Tetapi alhamdulillah, sekarang ini kemudahannya makin baik dan saya percaya baru-baru ini pun bila diadakan mesyuarat yang terakhir oleh Lembaga Penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mesyuarat itu sendiri pun diadakan di situ. Saya rasa orang-orang dari luar negara telah begitu tertarik dan menawan, kita telah membuktikan bahawa Malaysia bila kita berazam membuat sesuatu, dengan izin, we mean it and we deliver it.

Pada saya, dengan kecemerlangan pencapaian kita yang dahulu, dengan ketrampilan kita yang telah pun diakui dunia, lebih-lebih lagi dunia Islam sendiri pun memerhatikan itu, mereka kagum kerana pemimpin Islam yang mereka kagum itu berjaya dalam bidang ini. Oleh kerana itu, apa yang saya dapat tahu baru-baru ini dunia Islam sendiri telah pun berhubung dengan pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk mereka bertanya begini, “Kami amat berkenan dengan program tuan yang diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kami tidak berapa faham tetapi kami ada wang, kami berminat untuk mengambil bahagian. Bolehkah tuan tolong cerita kepada kami bagaimana kami hendak ambil bahagian?”

Pada saya, senario ini sendiri melambangkan keyakinan pihak luar negara khususnya dalam dunia Islam yang mempunyai kewangan mungkin agak kekurangan dari segi pengurusan dan idea kreativiti untuk menghasilkan sesuatu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan di sini, inilah peluang keemasan yang Malaysia ada. Malaysia telah membuktikan kecemerlangan, Malaysia telah membuktikan ‘Malaysia Boleh’. Macam-macam kita telah berjaya, mari kita buktikan bahawa dalam tajuk IP, Intellectual Property ini Malaysia juga boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz.

4.13 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong rang undang-undang iaitu suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu peka dengan keperluan semasa di mana Akta Syarikat 1965 iaitu akta ibu mencerminkan beberapa perubahan terutama sekali apabila negara sendiri terpaksa berdepan bukan sahaja dengan kehakisan keyakinan oleh pelabur-pelabur asing, tetapi juga oleh peranan yang dibuat di mana badan-badan NGOs yang bukan kerajaan telah pun memainkan peranan menerusi penubuhan syarikat bagi menjalankan usaha-usaha yang kadangkala tergelincir daripada landasan asas dan lebih-lebih lagi lagi ianya memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberi kuasa kepada mahkamah untuk mahkamah sendiri membuat keputusan setelah dikaji sedalam-dalamnya mencairkan ataupun menamatkan riwayat sesebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 ini, ianya memberi peluang kepada kita mencari jalan secepat mungkin kalau sekiranya wujud syarikat-syarikat yang ditubuh semata-mata untuk mencari cara mencemar negara kita, kerana kita dapat tahu baru-baru ini dua-tiga NGOs telah pun memberitahu kepada pihak media asing bagaimana pihak polis kita meracun dan membunuh mereka yang datang ke negara kita tanpa izin. Ini semuanya dapat diusahakan oleh mahkamah sendiri untuk mencari jalan supaya syarikat-syarikat seperti itu yang bernaung di bawah pendaftaran syarikat dapat kita korek, dapat kita cari sebenar-sebenarnya apakah tujuan dan maksud mereka menjalankan usaha sehingga boleh menjejaskan kedudukan negara kita.

Saya juga amat terpenggil untuk menyatakan di sini bahawa pihak kerajaan memang memberikan dan mencerminkan ketelusan syarikat-syarikat. Saya menyeru pihak kerajaan apabila wujudnya terutama sekali di mana kita ingin menyeragamkan piawaian akaun yang diusahakan oleh syarikat-syarikat ini supaya ianya bersama dengan piawaian antarabangsa, kerana badan-badan akauntan seluruh dunia mempunyai satu pengukuran yang sama. Apabila kita hendak membandingkan satu-satu syarikat baik di Malaysia, baik di Australia, baik di UK,

baik di Amerika, ianya mempunyai kayu ukur yang sama, piawaian akaun yang sama. Kalau kita tidak memberikan ketelusan untuk mencerminkan kegiatan satu-satu syarikat berasaskan pengukuran dan kayu ukur yang sama, kita tidak dapat mengetahui bagaimana sesebuah syarikat sesebuah negara berjalan mengikut lunas-lunas yang dapat diterima oleh dunia sejagat.

Jadi, dengan wujudnya keperluan dan fasal bagi menentukan pengarah-pengarah syarikat ini terpaksa menunjukkan kewibawaan mereka, bukan duduk sahaja untuk bermesyuarat di peringkat lembaga pengarah, tetapi memberikan pandangan supaya juruaudit yang mengaudit syarikat-syarikat ini dapat mencerminkan bahawasanya neraca kira-kira dan juga balance sheet profit and loss, dengan izin, semua cara yang dibuatnya setanding dengan yang dibuat di Amerika, yang dibuat di UK, yang dibuat di Australia dan sebagainya. Maka barulah ianya dapat meyakinkan pelabur-pelabur di seluruh dunia, bila dia tengok syarikat Malaysia dia rasa terjamin bahawasanya apa yang terbukti di dalam laporan tahunan mencerminkan sebenarnya kedudukan syarikat. Tetapi bila diputarbelitkan kalau sekiranya syarikat-syarikat kerana ada niat tertentu untuk menyorok sesuatu perkara dan tidak memberikan ketelusan yang sewajarnya, maka perkara semacam ini, tindakan sepatutnya diambil dengan secepat mungkin.

Sebab itu, dalam Dewan yang mulia ini saya utarakan apakah tindakan yang diambil kepada lima buah syarikat yang diumumkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di mana didapati maklumat semasa mengikut laporan-laporan tahunan tidak dibuat mengikut jadual yang diperlukan, iaitu enam bulan selepas tutupnya akaun satu-satu syarikat. Saya diberitahu syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur terpaksa mengeluarkan kenyataan akaun tahunannya. Kalau mereka tidak buat, bererti pelabur sendiri, baik yang kecil, baik yang besar di negara kita, baik di luar negara terasa mereka seolah-olah terpaksa berdepan dengan data-data atau maklumat-maklumat yang berkemungkinan tidak dapat mencerminkan kedudukan sebenar syarikat-syarikat itu. Adakah pengarah-pengarah hendak menyorokkan sesuatu, kenapa perkara ini tidak dapat dizahirkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Jadi, perkara semacam ini tindakan yang sepatut diambil bukan sahaja oleh Suruhanjaya Sekuriti tetapi pihak kerajaan, badan-badan lain, baik dari segi Bank Negara kalau ianya bersangkutan-paut dengan Akta Bank, baik dari segi Akta Syarikat 1965 di mana ianya menjejaskan keperluan jadual yang ditetapkan, semuanya ini terpaksa mengambil tindakan. Kalau sekiranya hanya satu badan sahaja yang berkaitan dan mengambil tindakan, bererti kita tidak serius, tidak begitu menepati apa yang dituntut oleh keadaan semasa, iaitu meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur dalam negara, luar negara, kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di negara kita ini kerana syarikat-syarikat yang berdaftar di negara kita ini serupa sahaja dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang lain yang berdaftar baik di New York, baik di UK, baik di Australia, semua tempat sama.

Ini sepatutnya tujuan dan maksud yang hendak disampaikan oleh Akta Syarikat 1965 dengan pindaan yang telah dibuat sebentar tadi. Kita mengharapkan pindaan-pindaan ini dapat dibuat dengan secepat mungkin, kerana yang perlu ialah bagi menentukan mereka dapat mencerminkan ketelusan, barulah kita dapat mengatakan kepada dunia bahawa Malaysia sekarang ini mempunyai dengan izin, corporate governance yang bersesuaian dengan keadaan semasa, barulah kita dapat memainkan peranan dalam globalisasi yang kita hadapi sekarang ini.

Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan tanggungjawab sosial syarikat-syarikat dapat juga dicerminkan menerusi akta ini. Kerana kita dapati syarikat bila mendapat keuntungan yang besar-besar di negara kita ini, mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial. Bukan setakat untuk memberikan cek yang besar-besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tayang ke dalam mass media, tayang menerusi televisyen. Saya rasa ini tidak bersesuaian dengan budaya orang Timur menunjukkan RM1 juta cek besar. Selepas itu kita tertanya pula selepas dia memberi cek RM1 juta, berapa pula projek dia dapat daripada kerajaan, orang akan bertanya. Bila kita tengok syarikat-syarikat memberikan cek yang besar-besar beratur, berlumba-lumba hendak memberi cek besar-besar. Ini sebenarnya berbeza dan terasing daripada nilai budaya orang Timur.

Kita tidak dapat bermegah-megah secara begitu. Yang kita harapkan kalau mereka benar-benar mencurahkan sebahagian daripada pendapatan keuntungan yang mereka dapat daripada negara kita, senyap-senyaplah sahaja beri kepada pucuk pimpinan kita 'ini duit untuk anak-anak yatim, ini duit untuk mereka yang tersesat di jalan raya dan sebagainya'. Maksudnya kita memberi peruntukan tertentu secara senyap-senyap, kita beri kepada pemimpin kita untuk mereka masukkan ke dalam tabung-tabung tertentu. Sekarang ini kita tengok apabila ada orang sakit jantung, terutama budak kecil, kita tengok dalam surat khabar mereka merana kerana sakit jantung. Walaupun duit banyak, tetapi ianya ditempatkan di tempat yang salah, di tempat lain. Kalau sekiranya sudah wujud tabung-tabung semacam ini tidak perlu dihebohkan dalam surat khabar. Dia buat surat, beritahu kepada pihak yang kita tetapkan di mana segala bantuan dapat dicurahkan ke satu pusat, memerlukan RM50,000 di Institut Jantung Negara, dapat terus RM50,000. Tidak payah masuk dalam surat khabar lagi, kerana kita sudah ada satu pusat di mana seluruh keluarga koperat menerusi keuntungannya telah pun menyalurkan keuntungan-keuntungan bagi menjalankan tanggungjawab sosial. Mereka prihatin kepada keperluan negara, prihatin kepada wujudnya perbezaan antara mereka yang mendapat pendapatan tinggi dan yang merana dan yang kurang pendapatan, yang kurang mendapat rezeki, ini lumrah hidup.

Jadi, saya mengharapkan kalau sekiranya perkara ini dapat dicerminkan bukan sahaja menerusi semangat akta ini, tetapi cara-cara kita berdepan dengan syarikat-syarikat besar-besar, tidak payahlah beritahu mereka esok hantar cek besar-besar kita ada televisyen untuk dipamerkan. Sampai kadang-kadang cek itu boleh menyorokkan orang yang menerima, terlalu besar. Cek lebih besar daripada manusia yang menerima cek tadi, dua-tiga orang kena bawa cek, usung bawa ke atas. Ini saya rasa tidak perlu. Jadi, saya mengharapkan kepada pihak kerajaan supaya budaya yang tidak mencerminkan budaya Timur ini tidak payahlah kita ikuti. Sesungguhnya kalau kita buat satu tabung seperti yang saya sebutkan tadi, dapat kita salurkan semua bantuan di situ dan mereka buat pula budget, belanjawan berapa untuk orang sakit jantung, berapa untuk orang pesakit-pesakit AIDS dan

sebagainya. Jadikan satu pusat. Sekarang ini banyak sangat tabung semacam ini, semuanya mencari punca kewangan. Jadi, saya rasa elok sangat kita kurangkan. Sebab itulah bila hendak mendaftar satu-satu perkara ini kita kaji betul-betul adakah ianya mempunyai duplication, dengan izin, adakah ianya bercanggah, bertindih dengan badan-badan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan yang dibuat oleh pihak kerajaan kerana ia sebenarnya mencerminkan keperluan semasa untuk meningkatkan, dengan izin, corporate governance, memberikan ketelusan kepada syarikat-syarikat kita semoga akan meningkat lagi keyakinan pelabur-pelabur dalam negara, luar negara dan Malaysia sendiri. Terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997. Saya akan cuba memberikan penjelasan atau menjawab beberapa isu dan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli telah membangkitkan pertanyaan mengenai bayaran yang akan dikehendaki untuk perkhidmatan electronic filing. Beliau berharap kadar bayaran ini tidak tinggi memandangkan kegawatan ekonomi sekarang. Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya apabila sistem electronic filing dilaksanakan. Sebenarnya sistem electronic filing adalah sangat penting pada masa yang akan datang kerana kita hendakkan electronic government di mana tidak banyak kertas digunakan. Inilah satu objektif yang sangat penting. Kementerian ini akan melaksanakan sistem ini dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli mencadangkan supaya Universiti Multimedia akan dapat menghasilkan graduan yang mahir dalam mengkaji dan menilai tetapi tenaga manusia untuk tujuan ditetapkan dalam akaun syarikat. Tuan Yang di-Pertua, adalah diharap pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kementerian tersebut. Cadangan ini adalah merupakan satu cadangan yang sangat membina. Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan 99% Laporan Kewangan Tahunan. Laporan pengerusi biasanya menyebut tenaga manusia sebagai aset yang sangat mustahak tetapi akaun syarikat biasanya tidak memberi nilai kepada aset tersebut. Jadi bagaimana kita mengukur nilai harta sumber manusia. Inilah satu pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan akan dipanjangkan kepada MASB iaitu Malaysian Accounting Standard Board untuk mengkaji perkara yang dikemukakan dan akan membuat keputusan piawaian susunan yang sewajarnya. Ini bermakna cadangan ini akan menunjukkan kepada MASB supaya kajian yang mendalam akan dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli telah membangkitkan mengenai kuasa yang telah diberikan kepada Pendaftar Syarikat di mana syarikat-syarikat yang bukan komersial tetapi terlibat dalam aktiviti-aktiviti NGO. Jika syarikat-syarikat ini adalah menyalahi undang-undang, jadi Pendaftar Syarikat boleh mengambil tindakan supaya syarikat ini boleh digulungkan dan kepada permohonan-permohonan baru yang mana Pendaftar Syarikat berpuas hati bahawa syarikat yang akan ditubuhkan itu akan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang seperti yang saya kemukakan Bacaan Kali Yang Kedua mengenai Rang Undang-undang ini iaitu menjejaskan ketenteraman awam, kebajikan dan nilai-nilai moral dalam negara ini atau bertentangan dengan kepentingan dan

keselamatan di negara kita. Jadi Pendaftar Syarikat ada kuasa menolak permohonan pemerbadanan sesebuah syarikat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian ini mempunyai pendirian bahawa semua NGO yang menjalankan kegiatan-kegiatan bukan komersial adalah lebih sesuai didaftarkan di bawah ROS iaitu di bawah Pendaftar Pertubuhan dan seterusnya dikawal selia oleh ROS. Kepada syarikat yang bermotifkan komersial ia didaftarkan dan dikawal selia oleh ROC. Jadi dengan cara ini ianya akan membolehkan NGO-NGO dan syarikat-syarikat beroperasi dalam satu suasana yang lebih sihat dan penguatkuasaan undang-undang mengenainya akan dapat dibuat dengan lebih berkesan. Jadi inilah pendirian Kementerian ini di mana syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat, sebagaimana yang saya kata tadi Pendaftar Syarikat boleh mengambil tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli telah membangkitkan bahawa beliau menyeru kerajaan apabila mewujudkan piawaian-piawaian perakaunan supaya memastikan piawaian-piawaian itu adalah selaras dengan piawaian-piawaian antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya apabila Malaysian Accounting Standard Board (MASB) mengkaji dan mencadangkan piawaian-piawaian perakaunan untuk Malaysia pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan untuk memastikan akaun-akaun syarikat akan diterima oleh masyarakat pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting kerana ianya akan memberi keyakinan kepada pelabur di dalam negeri atau di luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak penjelasan atau jawapan yang saya berikan. Di mana yang saya tidak dapat jawab pegawai-pegawai kementerian yang berada di Dewan ini mereka telah mencatatkan persoalan-persoalan atau perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Kementerian ini akan memberi perhatian dan sekali lagi saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 326 yang dikenali dengan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada bulan April 1986 dan diwartakan pada 15 Mei 1986. Cadangan mengadakan undang-undang untuk mengawal pencetakan teks Al-Qur'an ini adalah hasil daripada keputusan Majlis Raja-raja Bilangan ke-129 yang diadakan pada 8 Februari 1984 demi untuk menjaga kesucian ayat-ayat Al-Qur'an di negara ini. Mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 semua teks Al-Qur'an yang hendak dicetak diterbitkan, diimport, diedar atau dijual di negara ini hendaklah terlebih dahulu disemak dan

disahkan betul oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkenaan.

Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 daripada segi pengawalannya adalah tertumpu kepada teks Al-Qur'an dan ayat-ayat Al-Qur'an dalam bentuk lembaran kertas sahaja tidak termasuk format-format lain seperti CD-Rom, disket komputer, pita video, kaset dan sebagainya. Di dalam era perkembangan teknologi yang pesat seperti sekarang ini, Al-Qur'an dalam bentuk atau format yang baru seperti CD-Rom telah menjadi lebih popular kerana di samping ayat-ayat suci Al-Qur'an dan dipamerkan di atas monitor computer. Para pengguna boleh mendengar bacaannya sekali yang disertakan dengan tajwidnya seperti juga Al-Qur'an dalam bentuk lembaran kertas. Maka Al-Qur'an dalam bentuk format-format di atas juga perlu dikawal bagi menjamin kesahihan ayat-ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya.

Takrif 'teks' Al-Qur'an di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 adalah terhad kepada Al-Qur'an yang lengkap 30 juzuk yang layak dipanggil Mushaf Al-Qur'an. Takrif ini tidak meliputi Al-Qur'an yang dicetak dalam bentuk satu-satu juzuk atau Al-Qur'an yang disertakan dengan terjemahan atau tafsirannya sekali.

Mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986, semua teks Al-Qur'an yang hendak dicetak, diterbitkan atau diimport hendaklah disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an terlebih dahulu sebelum boleh dicetak, diterbitkan atau diimport. Al-Qur'an dalam cetakan satu-satu juzuk atau Al-Qur'an 30 juzuk lengkap dicetak bersama-sama tafsirannya banyak terdapat di pasaran sekarang ini. Oleh itu adalah perlu supaya Al-Qur'an seperti ini juga disemak dan diluluskan oleh Lembaga bagi menjamin kesahihannya. Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga Teks Al-Qur'an pada ketika ini mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 adalah seramai 9 orang daripada jumlah keseluruhan ahli seramai 15 orang. Ahli Lembaga adalah dilantik daripada kalangan mufti-mufti dan pegawai Hal Ehwal Agama Islam daripada negeri-

negeri. Adalah dicadangkan supaya jumlah kuorum ini dikurangkan kepada 7 orang sahaja untuk memudahkan urusan mengadakan mesyuarat Lembaga.

Mulai Mac 1987 kerajaan telah menaikkan taraf Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Oleh itu pindaan sewajarnya perlu dibuat di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986, seksyen 3(2) bagi menyelaraskan keahlian Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang telah bertukar nama kepada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang dilantik sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 adalah meliputi seksyen 2 iaitu dengan memperluaskan tafsiran perkataan 'dokumen' supaya dapat meliputi ayat-ayat Al-Qur'an selain dari yang berbentuk lembaran kertas dan tafsiran perkataan 'teks Al-Qur'an' supaya dapat meliputi Al-Qur'an yang dijilid secara berasingan satu juzuk dan Al-Qur'an yang dicetak bersama terjemahan atau tafsirannya sekali.

Pindaan pada seksyen 3(2) adalah dicadangkan bagi menyelaraskan nama 'Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri' yang telah dipinda kepada 'Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri'.

Pindaan pada seksyen 3(8) adalah dicadangkan bagi mengurangkan mengenai kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga daripada 9 orang kepada 7 orang.

Pindaan kepada seksyen 6(1) adalah dengan menambah perkataan 'atau salinan asal' supaya seksyen ini dapat meliputi bahan-bahan yang akan dicetak, diterbitkan atau dirakamkan.

Pindaan turut dicadangkan pada seksyen 8(1) dan 12(3) bagi maksud-maksud menyatakan tanda pengesahan dan cara meletakkan tanda tersebut supaya kedua-dua seksyen tersebut dapat meliputi bahan-bahan yang dicetak, diterbitkan atau dirakamkan.

Pindaan pada seksyen 13(1) adalah mengenai pewartaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

4.50 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama kita mengucapkan tahniah di atas usaha yang dibuat oleh kementerian untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Quran.

Sebagaimana yang telah kita maklum, teks Al-Quran yang diluluskan pada tahun 1986 sudahpun mengambil jarak masa selama 10 tahun dan dalam masa sepuluh tahun ini kita rasa banyak perkembangan dari sudut teknologi telah pun mengambil tempat. Sebagaimana yang kita maklum, peringkat awalnya kita banyak tertumpu dalam teks Al-Quran ini kepada helaian-helaian melalui kertas. Tetapi perkembangan-perkembangan teknologi pendidikan dan juga informasi akhir-akhir ini telah menyebabkan usaha-usaha untuk memudahkan bacaan Al-Quran dan terjemahannya melalui CD-Rom, pita video dan juga komputer.

Selain daripada itu kita melihat Al-Quran ini dicetak secara tiga puluh juzuk dalam bentuk satu naskah Al-Quran tetapi di akhir-akhir ini oleh kerana sudah ramai cerdik pandai kita yang dapat mentafsirkan isi Al-Quran itu dan dengan usaha untuk memberi kefahaman kepada umat Islam, maka oleh kerana tiap-tiap teks Al-Quran ini mengandungi ataupun ayat-ayat Al-Quran ini mengandungi begitu tinggi falsafahnya kerana telah diakui bahawa tidak ada kitab

yang lebih dalam pengetahuannya dan juga dari segi ilmunya melainkan Al-Quran itu sendiri.

Jadi, dalam keadaan ini tentunya untuk menghuraikan Al-Quran ini ianya terpaksa mengambil ruang dan buku yang agak tebal kalau satu-satu juzuk itu mahu ditafsirkan secara dengan lebih detail. Maka kalau tiga puluh juzuk jadikannya terlalu tebal untuk mudah kita menggunakannya. Jadi oleh itu, usaha-usaha sekarang nampaknya ada pihak-pihak yang telah mengambil usaha bukan sahaja dari segi yang saya sebutkan tadi dari segi pita video, komputer atau CD-Rom bahkan dari segi buku itu sendiri sudah ada kita lihat dicetak secara satu juzuk, satu juzuk dengan maknanya sekali. Kita berterima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan nama barunya JAKIM ini telah mengambil usaha dan inisiatif untuk mewartakan perkara-perkara ini supaya ianya lebih terkawal.

Sebagaimana yang telah kita maklum, Al-Quran ini begitu perlu kita pelihara bukan sepotong ayat bahkan sepatah ayat dalam Al-Quran itu kalau cuba diselewengkan maka kita anggap keseluruhan Al-Quran itu telah rosak. Jadi oleh itu kesuciannya perlu dijaga namun demikian dari segi perkembangan-perkembangan teknologi ini kita rasa, kita kena berhati-hati dalam usaha kita cuba mempopularkan ataupun menyebarkan ayat-ayat Al-Quran ini dan terjemahannya melalui alat-alat teknologi yang lebih canggih ini.

Jadi, salah satu lagi kita perlu ambil perhatian dari segi kementerian sekarang ini kita lebih banyak berpegang kepada Al-Quran yang menggunakan resam Othmani tidak lagi menggunakan 'Quranul Majid'. Contohnya, di Negeri Johor kita telah meminta supaya semua Quran cetakan yang menggunakan 'Quranul Majid' diketepikan sebab dari segi bacaannya agak sukar, susah. Sedangkan Al-Quran resam Othmani ini yang digunakan oleh Arab Saudi sendiri yang sudahpun disebarluaskan oleh Jabatan Perdana Menteri sekarang sudahpun digunakan di surau-surau dan masjid.

Saya rasa dalam usaha kita menerbitkan pita video terutamanya di mana gambar-gambar Al-Quran itu akan keluar, begitu juga dengan komputer dan sebagainya eloklah ayat-ayat itu atau keratan itu diambil dari Al-Quran resam

Othmani dan dengan ini saya rasa akan memudahkan anak-anak kita khususnya dapat belajar oleh kerana di surau dan masjid dan ustaz-ustaz yang memakai resam Othmani dan kalau dia balik ke rumah, dibuka CD-Romnya ayatnya sama, tidak berbeza dan ini memudahkan dari segi pembacaan.

Jadi, sekali lagi saya rasa sudah sampai waktunya kita mengupgredkan usaha-usaha dalam kita menghayati Al-Quran ini. Dengan ini saya menyokong Akta Percetakan Teks Al-Quran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puan Jamilah

4.53 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998.

Percetakan dan penerbitan mushaf Al-Quran amat memerlukan kepada pengawalan dan penelitian yang rapi agar ianya bebas dari apa-apa gangguan atau tidak berlaku apa-apa kesilapan dan kekeliruan yang boleh memberi kesan kepada aspek makna atau penyalah tafsirannya, kerana Al-Quran merupakan mukjizat yang teragung kepada Baginda Rasulullah s.a.w dan ianya juga merupakan kanun perlembagaan yang digunapakai oleh umat Islam di zaman kegemilangan awal.

Di mana di zaman awal Islam, umatnya digeruni oleh kaum-kaum yang lain dan orang-orang Islam di waktu itu menjadikan tiap seruan dalam ayat Al-Quran bagi setiap ayat yang mereka baca, mereka akan merasai bahawa sama ada ayat itu dalam bentuk nasihat, berbentuk ilmu, berbentuk berita dan juga berbentuk suruhan atau sebaliknya ayat-ayat larangan maka mereka akan merasai ayat itu akan serap masuk ke dalam darah dagingnya. Oleh itu mereka menjadi insan yang baik dan sentiasa memikirkan kedudukan mereka dan menghampiri diri kepada Allah dan mereka cukup perihatin, akur pada hukumnya.

Tuan Yang di-Pertua, firman Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bererti: “Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan Al-Quran, Al-Zikra dan Kamilah yang pasti memeliharanya”. Mushaf Al-Quran yang berada bersama-sama dengan kita sekarang adalah warisan umat Islam dari satu generasi kepada

satu generasi hingga generasi kita sekarang dan ianya masih dijaga, dipelihara dan dikawal keasliannya di mana mereka yang menjaganya tentulah sudah pasti terdiri dari hati-hati yang betul-betul ikhlas, bertakwa dan beriman kepada Allah.

Sejak dari wahyu diturunkan, diterima oleh Baginda Rasulullah dibaca dan dihafal oleh para sahabat maka Al-Quran ataupun mukjizat teragung itu tetap terpelihara hingga sekarang tanpa dapat diselewengkan oleh mana-mana pihak walaupun kita fahami musuh bagi umat Islam dan musuh Al-Quran tetap ada kerana dalam Al-Quran sendiri menyatakan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] bahawa nabi-nabi mempunyai seteru sedangkan mereka nabi, Allah memberi perhatian yang jauh lebih daripada hamba-hambanya yang biasa seperti kita.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya kita sekarang ini memahami bahawa untuk mendapat ilmu dari Al-Quran bukan bergantung kepada kelunakan suara bacaannya tetapi hendaklah kita fahami dengan ketetapan tafsirnya. Ulamak muktabar di zaman awal, mereka betul-betul ikhlas bertakwa dan mereka menguasai pelbagai ilmu yang bersangkutan dengan ilmu penguasaan Al-Quran. Bukan setakat ilmu tajwid yang hanya dapat dibaca untuk membetulkan bacaannya.

Menyedari tentang kepentingan memelihara keaslian Al-Quran ini, maka langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab di mana sebelum Al-Quran dicetak dan diterbitkan perlu dikemukakan kepada lembaga untuk mendapatkan kelulusan adalah suatu langkah yang baik. Saya ingin menegaskan di sini bahawa selain daripada Al-Quran yang diterbitkan di dalam negara, Al-Quran yang diimport perlu juga dikawal sebelum ianya dibenar untuk diedarkan bagi memelihara ketulenannya agar kesucian Al-Quran tidak terjejas lebih-lebih lagi di zaman serba canggih, serba membangun. Terutamanya Al-Quran yang disiarkan melalui Internet dan sebagainya. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut sokong Pindaan Teks Al-Quran bagi 1998 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato' Hashim.

5.00 ptg.

Dato' Haji Hashim bin Safin: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima

kasih di atas kesempatan yang diberi dan alhamdulillah dapat bercakap di kesempatan pembentangan Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sekejap tadi dan setakat ini dua Yang Berhormat pun telah bercakap mengenai rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pembentangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pindaan ini adalah hasil daripada keputusan Majlis Raja-Raja yang telah bermesyuarat, yang telah membuat keputusan pada tahun 1984 sekarang 1998. Sudah melangkaui 14 tahun dan kesedaran ini telah dirasai oleh Yang Mulia Raja-Raja dan tentunya pemimpin-pemimpin khususnya Perdana Menteri betapa pentingnya pengawalan, penyeliaan sehingga terpaksa mengadakan Lembaga Pelesenan bukan sekadar Lembaga Pelesenan Kenderaan, Pelesenan Al-Quran dengan tujuan untuk memastikan kesucian Al-Quran itu terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat sekalian. Al-Quran suci, agama Islam suci dan mengikut kawan-kawan saya agama lain pun suci mengikut pandangan mereka tetapi sama ada agama lain atau agama Islam atau Al-Quran atau Bible atau apa yang mengotorkan, yang mencemari agama, yang mencemari Al-Quran adalah pelaku-pelakunya atau penganut-penganutnya, pengamal-pengamalnya. Maka di atas pembentangan rang undang-undang pada hari ini sudah pasti saya yakin dan percaya bahawa Yang Mulia Raja-Raja, pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin politik kita semua menyedari bahawa ada pihak yang sedang mengotori Al-Quran ini sehingga kita memastikan pengawalan di atas penyalahgunaan Al-Quran ini mesti dibuat dan saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan di atas pindaan ini dan selepas kelulusan ini saya minta kerajaan bertindak tegas di atas pencemaran Al-Quran oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dan fenomena ini lebih bererti walaupun dalam sekelip mata saya sempat melihat, ia meliputi segala bentuk sehingga yang tidak ada lain bentuk pun disebut di sini. Sama ada huruf, angka, tanda, simbol, syarat, lambang atau apapun jua

bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain atau alat perakaman tampak, saya pun tidak pasti apa 'tampak', boleh lihat sahaja, rakaman yang kelihatan sama ada imej kaku atau bergerak atau apa-apa rakaman bunyi atau apa-apa jua perakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain walau bagaimanapun dibuat atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik atau apa jua pun data-data lain. Atau sesuatu rakaman atau pemancaran dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana atau apa-apa gabungan cara disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c).

Dan diperkukuhkan lagi Tuan Yang di-Pertua, dengan atau dengan lebih dari satu cara (a), (b), (c) dan (d) tadi yang dimaksudkan untuk digunakan bagi menggambarkan mengenai Al-Quran. Bermakna rang undang-undang ini mencakupi untuk meminta mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini akan terus memperalatkan Al-Quran ini demi kepentingan tertentu bukan sekadar kertas rakaman, kertas cetak, fotostat dan sebagainya. Mungkin kecanggihan ini akan digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dalam bentuk-bentuk lain untuk mencemari kesucian Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berhujah sedikit tentang pindaan ini dan ingin mendapat kepastian dari pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri atau di sini Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai, kenapa hendak kawal kesucian Al-Quran dan kalau kesucian Al-Quran dicemari apa tindakan?

Dalam apa bentuk yang dibuat yang sudah dilakukan oleh orang Islam, oleh kelompok-kelompok yang mementingkan kepentingan diri, kepentingan kelompok sehingga sanggup mencemari Al-Quran, memperalatkan Al-Quran, sanggup memperalatkan segala-segala yang berbentuk Al-Quran sehingga menipu kesemua orang di atas dasar orang Islam bila dengar Al-Quran, memang kita dalam Islam diajar mesti percaya Al-Quran. Siapa yang tidak percaya Al-Quran, rosak akidahnya dan siapa yang baca Al-Quran di depan mesti angguk. Kadang-kadang bercakap Bahasa Arab biasa pun di depan angguk, yang dengar ini bukan nak faham Arab tetapi kalau tidak faham salah, kalau tidak terima Al-Quran salah dan perkara ini sedang dilakukan. Ada pihak yang sanggup baca Al-Quran walaupun dia sendiri

tidak tahupun, hafal sahaja Al-Quran. Di tempat saya Yang Berhormat, saya sudah cakap Yang Berhormat kalah, sebab dia kalahkan. Bagus. Tetapi ada di tempat saya orang memperalatkan Al-Quran, tak hendak sebut nama, kalau hendak sebut pun boleh, polis pun tahu. Kerja dia main majong, bulan puasa pun tidak puasa, asyik main majong, kaki judi tetapi dia ini anggota PAS, jadi Ahli Majlis daerah dilantik oleh PAS, pergi bersyarah baca Al-Quran, yang dengar ini memang tidak tahu. Saya tidak mahu sebut nama tetapi kalau minta dibuktikan, boleh bukti. Tidak payah sebut nama, bukti ada.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Nak beri laluan Yang Berhormat.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Saya sedang tunggulah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Lebih baik sebut nama, apakah di dalam UMNO tidak ada priwatak yang sama seimbang atas dasar human being, human/manusia, saya suka sebut nama supaya saya balik check tengok. Terima kasih.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Saya tidak mahu sebut nama, dalam UMNO pun ada saya tidak mahu menolak. Saya kata tidak kira UMNO, PAS cuma saya sebut PAS dulu, UMNO pun ada kadang-kadang hafal sahaja Al-Quran, saya bukan memihak, saya bercakap, saya tidak mahu dicemarkan sama ada UMNO ke, PAS ke, BERJASA ke, jangan cemari Al-Quran apatah lagi orang yang beragama, yang berjambang, berjanggut, berserban lagi teruk. Hendak berjuang Islam, kita dari UMNO tetapi orang biasa kata UMNO kafir, UMNO itu, saya tidak mengakulah.

Okey, Tuan Yang di-Pertua, seorang hamba Allah baru sahaja seperti ini juga saya tidak mahu sebut nama, tapi saya ada bukti, tak mahulah sebut nama, tetapi kalau sehingga saya terpaksa dakwa di mahkamah, tetapi di sini tidaklah pergi ke mahkamah Tuan Yang di-Pertua ya, saya bersedia. Dia baru masuk UMNO, kebetulan saudara saya, bila saya aktif, kempen, dia kata saya kafir, keluarga saya, cukup fanatik. Namanya 'Pak Su' tak mahu sebut, saya panggil Pak Su. Akhirnya saya dampingi dia, dia masuk UMNO, dia datang ke rumah, isteri

saya tanya, dulu Pak Su kata kafir, saya kafir, kata Abang Hashim pun kafir, waris-waris kita kafir. Dia kata 'tak apalah, nanti saya balik' ada ayat Al-Quran, boleh balik pula hendak kata UMNO tidak kafir. Begitu simple, begitu ringkas.

Dan soal kafir ini, okey, diperalatkan ayat Al-Quran oleh pemimpin-pemimpin PAS, dulu dikatakan kita kafir kerana Tuan Yang di-Pertua dulu dalam MCA, masa Tunku Abdul Rahman kah, Tun Razak kah dulu bekerjasama, baca ayat Al-Quran kerana bekerjasama dengan orang-orang bukan Islam maka orang UMNO atau PERIKATAN pada masa itu, 'Paraikaton' dikatakan kafir tetapi sekarang tidak ada lagi. Kesannya pada pemimpin, senang, sekali boleh masuk Barisan Nasional, PAS masuk Barisan Nasional, selesai soal kafir. Keluar Barisan Nasional kurang soal kafir, tidak ada, tetapi di bawah masih ada sehingga sekarang kesan daripada penyalahgunaan pencemaran ayat Al-Quran oleh pemimpin ini sehingga masih ada di bawah yang percaya tidak boleh bekerjasama dengan orang UMNO, kerana orang UMNO kafir, masih ada golongan yang menganggap, berwasiat kalau dia mati biarlah anak dia, kerana sokong UMNO jangan sentuh mayat dia, semalam baru berlaku di Serendah, Dewan Undangan Negeri dalam Parlimen saya. Berwasiat.

Saya hendak tekankan ini kesan daripada pencemaran ayat-ayat suci Al-Quran dalam bentuk apa sekalipun seperti yang tertakluk di dalam akta ini, semuanya dirangkumi, kesan jangka panjang sehingga orang-orang Islam itu rosak akidah, hasil daripada perbuatan pemimpin yang tidak bertanggungjawab, hasil daripada mungkin sebelum dari itu tidak ada pengawalan. Dan selepas ini Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya cadangkan carilah pemimpin-pemimpin ini cukuplah menganiyai akidah orang Islam yang hendak masuk syurga kerana perbuatan pemimpin ini rosak akidah, fahaman mereka terhadap Islam yang cukup suci, yang cukup luas, yang cukup terbuka.

Baru-baru ini begitu fanatik, pemimpin-pemimpin, penyokong-penyokong PAS, kalau orang UMNO semua tidak boleh, baca ayat Al-Quran pun tidak percaya, kalau yang PAS yang tidak betul pun dia terima. Maaf katalah Yang Berhormat yang berkhalwat pun tidak apa, tahu cerita khalwat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah khalwat, masalah pelari wang, semua terletak kepada mahkamah sivil, mahkamah undang-undang ada, bila penyelesaian itu dikemukakan dan mahkamah mengeluarkan satu jawapan setakat kita tahu apa yang ada di zahir, kita akur dengan keputusan mahkamah itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soal khalwat, Yang Berhormat daripada PAS, pemimpin agung PAS, minggu lepas beri ceramah pada saya, baca ayat Al-Quran, saya kata, ini baca ayat Al-Quran, dia khalwat dalam bilik, okey, saya akur pada mahkamah, tetapi apa hujah Yang Berhormat ini baca Al-Quran berjela-jela atas pentas di Taman Perumahan Usia Baru, di kawasan saya minggu lepas, kalau seorang isteri orang masuk dalam bilik hotel nombor 121, okey, kemudian perbicaraan di mahkamah, saya tidak mempertikaikan keputusan mahkamah tetapi apa bukti seorang isteri masuk dalam bilik kemudian barang kes, orang boleh beritahu seluar dalam (panties) berada di atas katil, kain tudung pun buka.

Kalau sekadar kononnya masuk hendak kencing, tumpang kencing di bilik kawan ini, takkan kencing tu seluar buka depan kawan ini, isteri saya pun kalau saya masuk bilik dia tidak pakai baju dia terperanjat, apatah lagi tak pakai seluar dalam, ini mengelirukan, tetapi apa yang saya hendak kata kefanatikan, maaf Yang Berhormat, Yang Berhormat bagus bercakap tadi, Tok Guru bagus, saya hormat Tok Guru tetapi kalaulah pencemaran watak-watak ini sama ada daripada UMNO ke daripada PAS ke pencemaran Al-Quran ini memperalatkan Al-Quran ini sedangkan orang itu dirinya cemar, boleh kita terima? Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Patut kita check orang yang hendak baca ini pun mesti ada satu kelulusan tertentu, Tuan Yang di-Pertua jangan sembarangan, kaki judi pun baca ayat Al-Quran, kaki khalwat pun baca Al-Quran, kaki tonggang pun baca Al-Quran atas pentas, merosakkan pemikiran ramai, sebab di depan bukan boleh hendak berhujah,

baca Al-Quran bukan boleh faham makna cuma boleh angguklah, terima sahajalah. Ini perkara yang sedang berlaku. Tok Imam Tuan Yang di-Pertua, sedang mengkhianati, merosakkan perasaan kita, di tempat saya, selagi saya ada lagi kuat dia baca khutbah, sehingga soal pembenihan awan pun dikatakan haram.

Cuba bayangkan, apakah kita hendak Al-Quran ini digunakan oleh orang ini merosakkan pemikiran, buat apa kita belanja berbilion untuk pendidikan, wujudnya institut pengajian tinggi, swasta, biasiswa berjuta, berpuluh juta, bilion, hendak lahirkan masyarakat yang cerdik, yang terbuka fikiran, yang berilmu menghadapi zaman globalisasi dunia sebagai sebuah kampung, zaman komputer IT, sains dan teknologi, segala-galanya. Sekarang ini ada kelompok yang menggunakan Al-Quran baca di mimbar masjid, seorang imam kononnya pembenihan awan ini lawan kerja Tuhan, sedangkan kita tahu bahawa buat hujan bukan susah sangat. Yang saya tahu dulu masa

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Hashim bin Safin: Silakan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya sebenarnya ketinggalan dalam membahaskan Rang Undang-undang Planetarium iaitu ilmu astronomi tetapi tidak apalah. Agaknya masalah astronomi ataupun Pak Imam itu tadi kemungkinan agak ketinggalan dalam teknologi, pendedahan geography dan astronomi jadi mungkin fahaman beliau itu dengan perkembangan semasa agak tidak relevant, jadi saya rasa kelemahan dari segi teknologi, kelemahan dari segi pendidikan kita tidak boleh hendak sama ketegorikan dari segi levelnya. Itu sebagai penjelasan sayalah, terima kasih.

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak memberi penjelasan kepada Yang Berhormat. Saya bercakap dengan Yang Berhormat okey, saya pun tidak mengata Yang Berhormat, apa yang saya katakan pencemaran ayat Al-Quran oleh semua pihak tanpa kawalan. Sama ada kawalan oleh peruntukan undang-undang ataupun kawalan oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab yang melantik imam itu. Saya yakin dan bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa

imam ini tidak mempunyai ilmu sains barangkali sekolah pondok. Saya yakin di sekolah pondok biasa pemikiran terhad.

Saya teringatlah dahulu saya pun, Tok saya tok guru pondok nasib baiklah ayah saya hantar saya sekolah biasa, kalau saya sekolah pondok mungkin saya jadi macam pemikiran dia. Gambarannya inilah kesan bagaimana ayat Al-Quran itu sangat berkesan kepada orang Islam saya ulang, ayat Al-Quran tidak boleh nak bincang, tak boleh nak apa, kalau yang di bawah itu mesti dengar sahaja. Bila seorang imam baca ayat Al-Quran dengan ayat-ayat tertentu, saya pun tidak boleh hendak baca Tuan Yang di-Pertua. Semua, seolah-olah percaya kepada apa yang imam kata, ini menjejaskan kemajuan kita.

Seorang imam membaca ayat-ayat ini sentuh soal baca ayat Al-Quran segala musibah, segala penyakit sosial, gejala sosial, kemarau tidak kemarau, hujan, pasal belanja Sukom kerana kononnya laknat Tuhan. Imam ini juga membaca khutbah, kononnya di Kelantan - dia tidak sedar dia tidak datang Kuala Lumpur- kering, kemarau kerana dosa Dato' Seri Dr. Mahathir, kerana dosa-dosa pemimpin Barisan Nasional, kerana dosa-dosa Pak-pak Menteri, Timbalan Perdana Menteri tidak disebut [*Ketawa*] tetapi dia tidak sedar dalam ucapan balas saya, saya kata yang setahu saya setiap minggu saya pergi Kuala Lumpur kadang-kadang hujan tiap-tiap hari. Bermakna kalau berdasarkan fatwa imam ini bermakna pemimpin kita tidak berdosa besarlah, dosa kecil saya yakin semua ada, tetapi pemimpin di Kelantan - kalau hendak balaslah tetapi tidak mahu, saya tidak tegamak nak kata macam itu tetapi kalau di Kelantan kalau pakai fatwa itu salah, ini pencemaran Al-Quran. Baca Al-Quran setuju, kononnya hendak 'kena' kepada pemimpin Pusat tetapi kalau saya ini ganas juga, saya ini nakal juga, saya kata kena pada orang lainlah. Di Kelantan tidak ada hujan, bermakna kalau pakai fatwa tadi, pemimpin Kelantanlah yang banyak dosa sehingga hujan tidak turun.

Ini beberapa perkara yang saya hendak tarikkan di dalam pembentangan kita ini untuk perhatian kerajaan bagaimana penyalahgunaan ayat-ayat Al-Qur'an dalam apa bentuk pun. Kalau dulu kita katakan ayat Al-Qur'an itu atas kertas sahaja. Al-Qur'an itu mesti diletakkan di atas, tiada air sembahyang tidak boleh

bawa, kalau jatuh mesti disimpan tetapi dalam pembentangan ini untuk semua sehingga ceramah sekalipun, saya yakin tertakluk di bawah pindaan akta ini untuk mengelakkan dan sekali lagi saya hendak mengulangi dan hendak meminta jaminan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana kerajaan hendak bertindak kepada golongan ini yang mengkhianati, yang mencemari ayat-ayat Al-Qur'an, memperniagakan ayat-ayat Al-Qur'an. Macam mana tidak berniaga ayat Al-Qur'an, ceramah, maki hamun, baca ayat Al-Qur'an 15 minit, "Assalamualaikum...." macam-macam, berjela-jela ayat Al-Qur'an, selepas itu pukul, hentam, maki hamun, sumpah seranah, fitnah bertaburan, diambil kaset buat cantik-cantik, bungkus kaset dengan gambar yang baik, berjanggut, berserban, tulis nama yang baik, diedar, berniaga dan dapat untung, majlis jamuan besar-besar, bagi kaset. Kaset ini menyebut ayat Al-Qur'an, antaranya di tengah-tengah ceramah ada ayat Al-Qur'an, ada Hadis disebar, apa hukum? Bagaimana tindakan? Diberi kepada pemandu-pemandu kereta sewa, selepas ini hendak dibentangkan Akta Lembaga Perlesenan, saya hendak bercakap.

Dalam kereta sewa penumpang masuk, naik masuk kaset, baca ayat Al-Qur'an, maki, baca ayat Al-Qur'an, fitnah, baca ayat Al-Qur'an, hamun, inikah ayat Al-Qur'an? Inikah yang harus berlaku, ayat suci Al-Qur'an. Kalau begini apa akan terjadi kepada ayat Al-Qur'an. Kita kata kita sanggup junjung Al-Qur'an, sanggup mati kerana Al-Qur'an, tetapi kita pijak Al-Qur'an. Pemimpin-pemimpin ini memijak Al-Qur'an, pemimpin-pemimpin ini tidak mengawal anak buahnya, pemimpin ini saya tahu, alim ulamak, saya tidak menolak keilmuan, kealiman, keulamakan mereka. Tetapi saya pertikai tindakan perbuatan pemimpin membiarkan anak buahnya memperalatkan kesucian Al-Qur'an untuk kepentingan mereka. Itu menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan kalau Al-Qur'an itu menjadi alat untuk kepentingan politik atau kemenangan pilihanraya, apa yang harus kerajaan buat? Dan saya harap melalui pindaan akta ini boleh dapat diambil tindakan yang sewajarnya. Di dalam pilihan raya kecil Semarak, saya sendiri terlibat, saya dapat melihat dengan mata saya sendiri, bagaimana gerakan muslimat PAS yang naik

rumah ke rumah membawa Surah Yassin sebahagian daripada Al-Qur'an. Ia boleh dibukukan sesaiz yang lebih kurang begini, besar sedikit pun, terserah kepada huruf (lettering) yang ditulis. Dan di dalamnya ditaruh duit. Dulu-dulu yang saya tahu RM5 tetapi di Semarak dan Pulau Chondong banyak ringgit ada sampai RM50 kerana tauke-tauke balak berada di belakang. Ini cerita, bukti kalau Yang Berhormat hendak tanya bukti, tidak boleh, tetapi saya telah lihat, ada orang tunjuk memang ada duit. Apa yang saya hendak katakan sekali lagi kita melihat bagaimana ayat Al-Qur'an diperalatkan untuk mendapat pengaruh politik oleh golongan agama sedangkan perkara ini saya tahu, kita daripada Barisan Nasional, kita daripada UMNO tidak buat, kita tidak memperalatkan Al-Qur'an untuk hendak menang pilihanraya. Kita dengan cara kita tetapi kita melihat bagaimana pekerja-pekerja yang mendakwa mereka ini dari golongan yang beragama memperalatkan Al-Qur'an melalui perkara ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan mengenai Rang Undang-undang Pencetakan Al-Qur'an (Pindaan) 1997 ini untuk mengatakan bagaimana ada golongan di negara kita yang sedang mencemari Al-Qur'an, yang bertentangan dengan matlamat pembentangan pindaan ini untuk menjaga kesucian Al-Qur'an. Berdasarkan inilah saya berseru kepada pihak kerajaan selepas lulus undang-undang ini kerajaan mesti bertindak tegas, cuba tengok apa yang saya katakan tadi, tengok kepada tuan-tuan Imam di masjid-masjid di Kelantan yang kerjanya bukan mengembangkan agama tetapi lebih kepada mengembangkan fahaman politik yang memperalatkan masjid, membaca ayat-ayat surah Al-Qur'an, pergi kepada tempat-tempat kepada perjumpaan-perjumpaan menggunakan Al-Qur'an semata-mata untuk memperkembangkan politik mereka sedangkan setelah mereka mendapat kuasa politik dari segi agama secara khususnya tidak ada apa yang boleh berlaku di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyayangi perkara ini kerana bila kita sampai kepada pihak yang terlampau fanatik, saya ingin bercerita kerana saya ada bukti lagi. Seorang ustazah di sebuah sekolah yang bercakap di dalam kelas yang

menuduh pemimpin-pemimpin kita ini dengan menyebut namanya dan menyebut bahawa pemimpin ini meminum arak kerana sebab itu diberitahu kepada murid sekolahnya. Bacalah ayat Al-Qur'an kalau minum arak ini, betullah dia ustazah boleh bacalah ayat Al-Qur'an, minum arak memanglah, tetapi kenapa seorang ustazah di dalam sebuah kelas membaca ayat Al-Qur'an dan kemudian membuat fitnah untuk menanam perasaan/bibit-bibit kebencian di kalangan pelajar kepada pemimpin-pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kalau saya hendak bercakap tentang perilaku pemimpin-pemimpin atau penceramah-penceramah ataupun tenaga-tenaga pengajar di Kelantan, sama ada wanita pada setiap hari Jumaat mengajar di setiap masjid, mempengaruhi wanita-wanita sebab cara dia buat gerakan memang saya akui lain dari cara UMNO sebab kalau UMNO mengajar, apa yang kita hendak dengar, orang UMNO ini Islamnya tidak betul ataupun lebih dahsyat dia mengatakan kafir. Kalau ustazah UMNO hendak mengajar di madrasah-madrasah tidak ramai, tetapi kalau ustazah PAS memang ramai, sebab cara dia bergerak dia pergi ke kampung, jual nama Tok Guru dan sebagainya, memang dapat pengaruh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya rasa dalam Dewan ini cukup menarik, Kelantan bersama Kelantan berdialog dan bertikam lidah membuka minda kita tetapi tidak apalah nampak yang lain senyum sahaja, pihak... jadi saya rasa saya memang sayang kepada Yang Berhormat Datuk Hashim Safin.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Peraturan 36, dia menjadi perbahasan pula, minta Tuan Yang di-Pertua rujuk Peraturan 36, muka surat 43.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang Yang Berhormat hendak sampaikan.

Puan Jamilah bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan satu sahaja mengenai budaya kerja. Budaya tentulah berlainan dan yang keduanya saya rasa budaya kerja, tadi Yang Berhormat ada menyentuhkan budaya kerja yang membawa Surah Yassin, sebab membawa Surah Yassin itu membaca Yassin bersama dan berdoa kepada Allah. Yassin satu surah yang disunatkan membaca.

Yang kedua budaya cita rasa, yang pakai serban itu kerana sunnah, yang menyimpan janggut juga sunnah, saya rasa yang alim di hadapan ini tidak berani menafikan sunnah. Dan seterusnya kalau duduk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti selepas ini berbahas, eloklah tunggu masa sekejap lagi.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya pun tahu, memang taruh janggut sunnah. Pakai serban pun sunnah, bagi Yassin itu memanglah baca dapat pahala, saya pun baca Yassin, kalau masalah, memanglah banyak masalah. Tetapi soalnya seperti yang saya katakan tadi, dalam Yassin ditaruh duit, kalau dahulu RM5 di Pulau Chondong dan di Semarak sudah masuk RM50 dalam Yassin untuk undi calon PAS. Maka kepada saya ini satu penyalahgunaan kesucian Yassin, khusus dalam konteks ini dalam kempen pilihanraya. Kalau ustazah yang pergi ke masjid pada hari Jumaat membaca ayat Al-Qur'an, ke semua ayat Al-Qur'an yang dibaca dituju seolah-olah Qur'an ini diturunkan kerana adanya UMNO, itu saya cukup dukacita, kalau dia kata memang ayat ini, buat begini haram, baca ayat Qur'an. Tidak usah sebutlah Mahathir, Anwar Ibrahim, siapakah. Ini dalam masjid, baca ayat Al-Qur'an, ha! ini kerja pemimpin Pusat, Dato' Seri Dr. Mahathir, Menteri-menteri Pusat, salah adalah salah semua, khalwat, orang PAS pun ada khalwat, UMNO pun ada khalwat. Memang manusia biasa, UMNO pun ada janggut, UMNO pun ada serban tetapi kalaulah ini digunakan ayat Al-Qur'an untuk menentang tetapi kita UMNO tidak buat begitu.

Tuan Yang di-Pertua, maka untuk merumuskan ini saya ingin mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini melalui pindaan akta ini kerana ianya amat merangkumi dan boleh menyelesaikan golongan-golongan yang sedang memeralatkan kesucian Al-Qur'an, yang sedang mencemari ayat Al-Qur'an, yang sedang menggunakan ayat Al-Qur'an dan saya rasa bertanggungjawab untuk membanteras golongan ini dengan apa cara pun, ambillah tindakan. Saya percaya bawalah, ambillah Tok Iman itu seorang, berdua dahulu, bawa ke Pusat Islam, tidak payah

guna ISA atau apa, panggil, tanya dia surah mana, hujahkan kita banyak ulamak. Jangan biarkan, saya rasa kita pun turut berdosa membiarkan golongan ini menggunakan mimbar masjid, menggunakan kedudukan sebagai Imam mengkhianati pemikiran orang-orang Islam. Cukuplah kalaulah 84 kita sudah setuju, Majlis Raja-Raja telah melihat bagaimana kesucian harus dijaga, sekarang sudah 14 tahun, jangan lama-lama, teruskan selepas ini, ambil tindakan sewajarnya di atas segala kaset, CD Rom, kertas edaran, syarahan pun yang mencemari ayat Al-Qur'an, check tengok siapa yang baca ayat Qur'an, pastikan orang yang betul-betul bertanggungjawab. Jangan sewenang-wenang, kalau kita hendak kawal ayat Al-Qur'an itu dicetak mengikut peraturan, kenapa kita biarkan orang bersyarah mengeluarkan kaset sewenang-wenang, menggunakan ayat Al-Qur'an yang salah, menterjemahnya salah, tafsirnya salah, bertujuan untuk kepentingan puak dan kaum itu sendiri maka sampai masanya tanggungjawab kerajaan untuk memastikan perkara ini dapat dibanteras terus supaya dapat menyelamatkan sebahagian besar aqidah orang-orang di Kelantan khususnya ataupun di Terengganu, Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong pindaan ini dan saya hendak melihat tindakan tegas kerajaan dalam soal/pihak yang menggunakan apa sahaja alat untuk mencemari kesucian Al-Qur'an yang amat kita patuhi. Saya menyokong.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim.

5.35 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas rang undang-undang untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, bagi orang Islam, tiada lagi kitab yang paling mulia dan agung di dunia ini melainkan Al-Qur'an. Jadi usaha kerajaan untuk menentukan supaya teks yang ada di dalam Al-Qur'an tidak dicemari, sangatlah dialu-alukan, kerana seperti mana yang kita maklum, pernah

juga berlakunya di mana teks Al-Qu'ran ini dicemari dan apatah lagi sekarang ini, di mana kita berada dalam zaman teknologi yang canggih. Kemungkinan teks Al-Qu'ran dicemari melalui teknologi itu boleh berlaku. Maka, dengan adanya pindaan ke atas Akta Pencetakan Teks Al-Qu'ran (Pindaan) 1997 ini, saya percaya kita akan dapat mengawal dan menjaga kesucian ayat-ayat yang ada di dalam Al-Qu'ran.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pada hari ini pendek sahaja kerana saya tidak berapa arif dalam perkara ini. Walau bagaimanapun sebagai seorang Islam, pada hakikatnya saya juga mempunyai perasaan dan keyakinan terhadap kepentingan untuk mengawal dan menjaga kesucian ayat-ayat suci Al-Qu'ran.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai seksyen 3(a) dalam akta ini di mana “Bahagian Hal Ehwal Agama Islam” telah ditukarkan menjadi “Jabatan Kemajuan Islam Malaysia”. Saya berharap ianya tidak hanya menukar nama jabatan sahaja tetapi saya berharap tanggungjawab serta fungsi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia itu juga perlu dikaji sealiran dengan kemajuan semasa.

Seperti mana yang kita maklum, perbahasan kita pada hari ini adalah tertumpu kepada teknologi yang canggih yang boleh membuat perkara-perkara yang tidak boleh dibuat dahulu, mudah dibuat sekarang seperti kita boleh membuat Al-Qu'ran melalui CD-Rom dan sebagainya. Maka saya berharap, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ini tidak hanya ditukar nama sahaja tetapi harus juga difikirkan dari segi fungsi dan tanggungjawabnya sekali.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3(b), saya ingin tahu rasional berhubung dengan pengurangan kuorum daripada sembilan kepada tujuh, kerana saya percaya lebih banyak kuorum, kalau ianya tidak menghalang sesuatu itu diluluskan, mungkin lebih baik lagi. Jadi kalau dapat kita terangkan sedikit rasional yang mengurangkan kuorum daripada sembilan kepada tujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa kalaulah boleh setiap muka surat Al-Qu'ran itu dibuat tanda seperti cop dan sebagainya supaya dapat menentukan bahawa setiap muka surat Al-Qu'ran itu disahkan sebagai muka surat yang asal dan tidak dicemari. Kalaulah tanda dibuat di muka surat pertama dan

akhir, hanya untuk menentukan bahawa Al-Qu'ran itu telah dikeluarkan oleh badan-badan tertentu sahaja ianya tidak dapat menentukan bahawa ayat-ayat di dalam muka surat itu sahih. Besar kemungkinan juga, satu atau dua lembar daripada muka surat Al-Qu'ran itu telah diubah dan dicemari.

Ini hanyalah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan ini sahajalah yang dapat saya bahaskan ke atas Rang Undang-Undang Akta Pencetakan Teks Al-Qu'ran (Pindaan) 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

5.42 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qu'ran 1986.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, agama Islam adalah agama rasmi yang telah termaktub di dalam Perlembagaan yang telah diterima oleh semua rakyat termasuklah yang Islam dan bukan Islam. Oleh yang demikian, maka akta ini adalah suatu akta yang memang sepatutnya digubal pada masa yang lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana kerajaan amat peka sekali berkenaan dengan Al-Qu'ran iaitu kitab suci bagi umat Islam ini, di mana kerana kepekaan kerajaan sehingga kini kita dapati masalah penyelewengan akidah dari segi tafsiran ayat Qur'an telah tidak dibenarkan untuk menjadi isu yang boleh memecahbelahkan rakyat di negara ini. Kalau kerajaan gagal memberi perhatian dalam perkara ini, saya percaya sudah tentu masyarakat Islam sendiri di Malaysia ini akan berpecah belah dan akan membawa suatu fahaman yang bercanggah dengan Islam yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya ingatkan pihak kerajaan, kita janganlah hanya meluluskan akta sedangkan dari segi pelaksanaannya, kepakaran, pekerjaanya (man power) di dalam pencetakan ini. Kita tidak boleh sewenang-

wenangnya membenarkan sesuatu syarikat pencetakan menjalankan pencetakan Al-Qur'an sedangkan kita membiarkan syarikat itu mengambil pekerja-pekerja yang bukan Islam. Dari segi kemahiran dan kepakaran, mungkin dia ada pencetakan tetapi kefahaman pekerja-pekerja itu di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Al-Qur'an mesti dipastikan juga. Sebab, kalau perkara ini tidak diberi perhatian, ada kemungkinan ayat-ayat yang dicetak dan sebagainya menjadi satu kesilapan yang besar.

Maka sudah tentu apabila dibubuh cop mohor yang diluluskan di bawah akta ini maka Al-Quran itu boleh disalah tafsir dan digunakan sebagai isu untuk menyalahkan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya yakin penuh kerajaan mempunyai bidang kuasa, kerajaan mempunyai kemampuan untuk memastikan pekerja-pekerja yang akan diambil dalam syarikat-syarikat percetakan ini adalah terdiri dari orang-orang yang betul-betul mahir dan kalau kita tidak mencukupi, kita boleh pinjamkan tenaga pekerja daripada negara Timur Tengah ataupun negara-negara yang lebih maju di dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pendakwah-pendakwah di pihak kerajaan sendiri yang pergi menjalankan dakwah kepada mereka yang bukan Islam. Kita dapati kerajaan agak kurang memberi perhatian kepada pendakwah-pendakwah yang mempunyai kemahiran seperti pendakwah Kristian. Yang paling malang sekali kita ada membaca di dalam akhbar atau majalah di mana pendakwah-pendakwah Islam yang pergi berjumpa dengan Orang-orang Asli yang kita tahu budaya Orang Asli dengan anjingnya, dengan keadaan pakaian dan sebagainya dan kalau pendakwah ini tidak peka dengan masalah ini dan mereka menganggap perbuatan itu bercanggah dari segi Islam, maka pendekatan yang sebegitu tidak akan membawa manfaat kepada kefahaman agama itu sendiri.

Oleh sebab itu kalau kita lihat pendakwah Kristian mereka mempunyai doktor sebagai pendakwah, mereka mempunyai ahli psikologi sebagai pendakwah,

mereka mempunyai ahli yang mahir dalam bidang engineering sebagai pendakwah. Jadi, oleh sebab itu, pihak kerajaan bertanggungjawab memastikan pendakwah ini orang yang serba boleh yang mempunyai kemahiran dari segi kefahaman agama terutama sekali ayat Al-Quran itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan akta ini seharusnya meliputi rakaman kaset-kaset dan sebagainya yang sekarang ini boleh kita dapatkan secara bebas di dalam pasaran terbuka dan kita pernah pergi ke pasar-pasar malam termasuk pasar tani dan sebagainya, penjual-penjual ini menggunakan kaset-kaset seperti Yang Berhormat Datuk Haji Hashim sebutkan tadi menghentam kerajaan dan ini hendaklah dianggap sebagai melanggar akta dan tindakan perlu diambil.

Kita bimbang seperti yang pernah kita dengar satu masa dahulu di mana fitnah telah dibuat dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran, sedangkan perkara yang disebutkan itu memang tidak benar dan pihak polis sendiri dengar, kalau pihak polis dengan arahan ataupun kuasa yang diberikan kepada mereka mengambil tindakan, saya percaya perkara ini tidak menjadi suatu perkara yang biasa.

Jadi, apabila sekali mereka boleh membuat di satu tempat dan tidak ada tindakan yang diambil, sudah tentu mereka akan pergi ke merata-rata tempat dan kita tahu pilihan raya umum tidak lama lagi dan kalau perkara ini dibiarkan, kita bimbang akan menimbulkan suatu pergaduhan ataupun suatu perkara yang agak sensitif.

Saya juga ingin menyebut di sini berkenaan dengan perbalahan yang timbul di Pulau Pinang akibat dari pembinaan rumah ibadat. Kita tahu kerajaan mempunyai suatu majlis pembinaan rumah-rumah ibadat. Rumah-rumah ibadat ini ada kaitan dengan fahaman agama masing-masing. Oleh sebab itu, kita tidak boleh membiarkan satu perkara yang bersangkutan dengan ibadat ini dijadikan isu politik ataupun isu perkauman yang boleh mencetuskan pergaduhan, tetapi kita bersyukur

kerana kerajaan cepat bertindak dan kita berharap siapa juga yang menjadi dalang mengambil kesempatan untuk mencetuskan pergaduhan, kerajaan tidak boleh bertolak ansur, sama ada golongan yang mengambil kesempatan itu terdiri daripada penganut agama tertentu, kerajaan mesti bertindak. Ini bukan lagi masalah tolak ansur, masalah politik dan sebagainya dan kalau perkara ini tidak dilakukan, saya yakin negara kita terdedah kepada ancaman pergaduhan kaum dan juga agama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya, saya berharap pihak JAKIM yang sekarang ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan segala aktiviti kefahaman termasuk dakwah mengenai dengan hal ehwal agama Islam di seluruh negara ini mestilah mencari kelemahan yang terdapat dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan perlu mendapat kerjasama dari semua majlis agama Islam negeri-negeri yang mana kita tahu Perlembagaan telah menentukan bahawa Raja, Gabenor dan Yang di-Pertuan Negeri mempunyai kuasa di dalam hal ehwal agama di negeri masing-masing hendaklah disesuaikan dengan kehendak agama pada hari ini dan kita tidak mahu mereka itu menjadi penghalang kepada pelaksanaan sistem agama Islam itu di dalam segala bidang. Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

5.50 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama bagi membahaskan suatu Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dapat meminda undang-undang tersebut untuk memperkemaskan takrif dan juga

berhubung dengan percetakan mengikut keadaan semasa atau zaman IT yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pencemaran, kita tahu bahawa kadangkala kitab-kitab Al-Quran ini ada pihak-pihak yang menjadikan bungkus makanan atau bungkus benda-benda, menyalahgunakan keadaan. Kadangkalanya ada setengah pihak mengambil peluang ataupun menghina Al-Quran secara mengecap pada pakaian seperti baju dan sebagainya.

Maksud saya, hal ini sepatutnya pihak penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian yang serius kerana akan menimbulkan pelbagai masalah bukan sahaja menghina boleh jadi masalah pergaduhan antara kaum kerana keagamaan. Hal seperti ini selalu berlaku dan perkara ini adalah satu perkara yang sangat berat yang patut kita perhatikan.

Ada pihak yang mengambil peluang serupa ini melakukan - di mana Al-Quran dijadikan bungkus. Al-Quran diperhina secara dicap pada pakaian-pakaian. Jadi, inilah yang mesti kita mengambil perhatian yang kuat kepada hal tersebut.

Yang kedua, saya hendak menyentuh kemasukan Al-Quran dari luar negeri misalnya dari Indonesia ataupun Syria sekalipun negara Arab, saya hendak tahu dari Kementerian Dalam Negeri, adakah perkara ini dibenarkan memberikan lesen atau meminta kebenaran kepada kerajaan negeri di Malaysia ini sendiri untuk membawa Al-Quran kerana patut ditapis, kita takut ayat-ayat itu akan berlaku perubahan satu ayat sahaja, satu perkataan akan merosakkan Al-Quran yang begitu suci sekali. Maksud saya supaya hal ini mana-mana Al-Quran yang hendak di bawa masuk yang datang dari luar negara hendaklah disemak dan diminta kebenaran dengan kerajaan kita sendiri dan tidak dengan sewenang-wenangnya mereka membawa masuk Al-Quran dan menjual dalam negara kita, mencari keuntungan yang lebih. Tetapi boleh merosakkan, boleh merubah keadaan kalau kita tidak semak betul-betul, apa akan jadi pada satu hari nanti kepada generasi kita akan

berubah keadaan, cara-cara Al-Quran yang asal daripada Al-Quran yang tidak disemak dengan betul akan berlaku perubahan yang boleh menyalahguna pada masa yang akan datang.

Kita tahu dalam negara kita sekarang ini sebagaimana negeri Terengganu ada percetakan Al-Quran, alhamdulillah kita bersyukur kerana percetakannya itu begitu baik dan telah pun banyak disebar dan banyak dipergunakan, tetapi kadangkala kalau kita lihat perbandingan cara dahulu membuat Al-Quran, ada juzuk-juzuk dari jus satu, jus dua sampai jus tiga puluh tetapi sekarang ini tidak ada juzuk lagi, tidak ada perenggan-perenggan. Jadi, kadangkala itu saya rasa kalau yang elok sekali kita ikut cara yang lama, jadi mudah sekali kita memegang kepada juzuk-juzuk yang ditentukan. Bolehlah kita katakan ayat sekian, ayat nombor sekian tetapi tidak macam dahulu lagilah, orang kata pukul rata sahaja. Jadi, macam kita orang lama ini, orang sekarang ini kata bukan orang tua, dia kata 'usia emas' [*Ketawa*] jadi lain sedikit keadaannya. Tuan Yang di-Pertua, jadi, patut ambil perhatian kepada perkara tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sekarang ini kita tahu bahawa Pusat Islam dan jabatan agama di setiap negeri telah menggalakkan dan menjurus ke arah meninggikan mutu Al-Quran dan ada langkah-langkah untuk membudayakan Al-Quran, maksudnya Al-Quran itu tidak sahaja dibaca ayat-ayat itu, tetapi mendalami dari segi erti kandungan di dalamnya, ini sangat baik dan kita harap supaya jabatan agama di setiap negeri dan juga sekolah-sekolah agama sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah, madrasah dan surau-surau menggalakkan membudayakan Al-Quran ini dan bukan sahaja kita menekankan kepada murid-murid ataupun anak-anak didik kita, dia boleh membaca tetapi dia boleh juga mentafsirkan Al-Quran supaya dapat menghayati isi kandungan Al-Quran itu, difahami sesungguhnya dan kita galakkan juga melalui takmir Al-Quran misalnya kepada orang-orang dewasa, kepada kaum ibu, wanita dan kita berikan penambahan peruntukan ataupun elaun khas kepada

mereka yang boleh mentafsir, menterjemah, mendalami isi kandungan Al-Quran itu.

Jadi, ini satu langkah yang baik dan bukan sahaja digerakkan kepada sesebuah negeri, tetapi kita harap bagi jabatan agama memperluaskan semua negeri mengadakan penterjemahan, mengkaji, mendalami isi kandungan Al-Quran dan tahu isi kandungan itu sendiri. Dengan keadaan yang sedemikian, saya rasa kita dapat memahami dan mendalami dan kita tahu Al-Quran adalah satu kitab yang suci bagi umat Islam dan boleh melindungi bukan sahaja umat Islam bahkan seluruh umat dalam dunia ini yang boleh menyelamatkan umat bukan sahaja dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja saya dengan ini menyokong atas rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Usul ya. Silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1)

Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam.”

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam.”

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam.”

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam orang Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1997.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu telah membangkitkan berkenaan dengan penggunaan Al-Quran resam Othmani. Sememangnya penggunaan resam Othmani telah dipersetujui oleh Lembaga Teks Al-Quran untuk diterimapakai di Malaysia.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan percetakan satu juzuk dengan tafsirannya sekali dan sememangnya perkara ini diambil perhatian oleh akta yang sedang kita bincangkan sekarang ini.

Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim meminta supaya kita pastikan yang ayat-ayat dan tafsiran tepat dan tidak lari dari tujuannya. Sebenarnya, pindaan yang kita bawa ini tujuannya adalah untuk memastikan bahawa

teks Al-Quran dikawal daripada segi keaslian bukan sahaja untuk teks yang dicetak tetapi juga teks melalui CD Rom dan lain-lain lagi. Bermakna bahawa pindaan yang kita bawa ini lebih daripada yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin membangkitkan berkenaan dengan salah guna Al-Quran. Sebenarnya, teks yang dibaca tidak salah, tafsirannya pun mungkin tidak lari tetapi yang salahnya ialah ucapan-ucapan selain dari teks yang dibaca. Akta 326 ialah untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks Al-Quran.

Mengenai salah guna Al-Quran tidak termasuk dalam akta ini, bagaimanapun, saya mintalah kerjasama daripada sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil perhatian berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan dan kalau perlu ianya juga akan diambil perhatian oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Selain dari itu, saya menyerahkan kepada Allah S.W.T. untuk mengadili mereka ini di akhirat nanti.

Yang Berhormat Senator Tuan Abdillah bin Abdul Rahim membangkitkan berkenaan dengan kuorum mesyuarat lembaga daripada sembilan orang yang diturunkan kepada tujuh orang. Tuan Yang di-Pertua, lembaga ini dianggotai oleh 15 orang ahli yang mana terdiri daripada mufti-mufti kerajaan negeri dan juga Yang di-Pertua Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan oleh kerana mereka ini tinggal di luar daripada Kuala Lumpur – jauh, kadangkala mesyuarat ini tidak dapat diadakan oleh kerana kekurangan kuorum. Maka, untuk memastikan bahawa mesyuarat ini boleh diadakan tepat pada waktu yang telah dijadualkan, maka itulah kita meminta supaya kourum ini dipinda daripada sembilan kepada tujuh dan apa juga yang dibincangkan tetap tepat kepada perkara-perkara yang dibincang kerana mereka yang hadir di mesyuarat ini merupakan mereka yang pakar dan mereka yang bertanggungjawab.

Berkenaan dengan tanda pengesahan yang mohon dicetak pada setiap muka teks Al-Quran. Sebenarnya tanda pengesahan terdapat pada setiap teks Al-Quran

yang telah pun diluluskan. Bermakna perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah pun dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail membangkitkan berkenaan dengan tenaga pekerja pencetakan. Sebelum satu-satu lesen pencetakan dikeluarkan, satu tinjauan telah dibuat oleh pegawai dan kita juga memastikan bahawa semua pekerja yang terbabit dalam pencetakan Al-Quran ini terdiri daripada orang-orang Islam.

Datuk Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Ya.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dan minta laluan untuk penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setelah diberi penjelasan, saya sedar bahawa rang undang-undang ini khusus untuk kesahihan pencetakan Al-Quran tetapi matlamatnya untuk menjaga kesucian. Saya mengatakan tentang pencemaran tetapi dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang ada kaset sebab dalam ini peruntukan ada sebarang bentuk, sama ada kertas ataupun kaset yang dicetak yang pembaca itu saya rasa cara pembacaan pun tidak betul sebab kadang-kadang kaki baca ini bukan ahli Al-Quran sangat. Apakah kaset-kaset yang diedarkan ini tidak tertakluk di bawah akta ini yang boleh diambil tindakan kepada mereka yang mencetak dan mengedar kaset-kaset yang boleh dipertikaikan kesahihan bacaan dan sebagainya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa kementerian ini mempunyai tenaga hanya untuk memastikan bahawa teks-teks Al-Quran yang dicetak ataupun yang dibuat melalui CD-Rom itu tepat dan sahih dan berkenaan dengan ucapan-ucapan dan cara-cara ianya, bukan ditafsirkan tetapi diolah oleh penceramah-penceramah dan sebagainya, yang ini kita pulangkan kepada jabatan agama Islam negeri-negeri dan juga kepada Jabatan Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan kalau perlu maka Kementerian Dalam Negeri akan memberikan kerjasama untuk memastikan

bahawa ayat-ayat suci Al-Quran ini tidak diselewengkan dari segi ucapan dan dari segi – bukan tafsiran, tafsiran ini sebenarnya payah kita hendak lari tetapi apabila mereka membuat ucapan-ucapan yang panjang lebar, maka di situlah makna-makna Al-Quran ini ditafsirkan mengikut kehendak hati mereka tetapi bukan tafsiran yang kita maksudkan dari segi akta yang sedang kita bincangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba membangkitkan berkenaan dengan ayat Al-Quran yang dibuat bungkusan, baju dan lain-lain. Sebenarnya tindakan mengenai perkara ini boleh diambil di bawah Akta Mesin Cetak dan jika kementerian mendapat aduan akan terus mengambil tindakan kerana selain daripada melanggar Akta Mesin Cetak, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi juga sebenarnya adalah perkara yang begitu sensitif sekali dan boleh membangkitkan keadaan yang tidak tenteram di dalam negara kita. Selain daripada Akta Mesin Cetak, kalau misalnya selepas dinasihatkan dan sebagainya tidak juga dipedulikan, kita boleh mengambil tindakan secara yang lain kerana yang penting kepada kita ialah perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka ini tidak menimbulkan keresahan, tidak menimbulkan pergolakan di kalangan masyarakat di negara kita.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan pengimportan Al-Quran. Sebenarnya, di bawah akta ini juga Al-Quran yang hendak diimport mesti diserahkan dan diluluskan oleh lembaga penapis sebelum ianya boleh dibawa masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa tidak lengkap jika saya tidak membacakan perkara-perkara yang menjadi kesalahan mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Quran. Tindakan undang-undang yang boleh diambil mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Quran ialah mengenai apa-apa perkara yang berhubungkait dengan urusan pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks Al-Quran di negara kita ini. Yang boleh menjadi kesalahan mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Quran ialah 11 perkara, seperti berikut:

- (i) tidak mematuhi peraturan atau peraturan dipalsukan. Mungkin ada ayat-ayat yang dipalsukan;

- (ii) mencetak tidak mengikut prof akhir;
- (iii) mencetak atau menerbit Al-Quran yang salah. Hukumannya ialah denda RM20,000 atau 5 tahun penjara ataupun kedua-duanya sekali;
- (iv) mencetak Al-Quran tanpa lesen. Hukumannya denda RM10,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali;
- (v) tidak mengemukakan prof akhir;
- (vi) tidak mengemukakan salinan untuk import. Ini juga dendanya RM10,000 ataupun penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali;
- (vii) melanggar syarat lesen;
- (viii) tidak menjaga sisa-sisa bahan cetak. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mungkin bahan-bahan cetak ini yang dikatakannya telah dibuang dan digunakan untuk perkara-perkara yang tidak sepatutnya;
- (ix) Al-Quran tiada kelulusan. Dendanya RM5,000 ataupun 1 tahun penjara atau kedua-duanya sekali;
- (x) tidak menyerahkan satu salinan setelah mencetak. Denda RM2,000 atau 6 bulan penjara;
- (xi) Al-Quran sebelum akta ini diluluskan. Yang ini jika tidak diperakui ianya akan dimusnahkan.

Penguatkuasaan Akta Pencetakan Teks Al-Quran sehingga tahun 1997. Sehingga tahun 1997 tindakan yang telah diambil mengenai penguatkuasaan akta tersebut ialah dengan cara menyita, menahan dan memeriksa mengikut seksyen 17(1) atau (4). Mengenai hal pendakwaan yang boleh diambil mengikut seksyen 20 akta berkenaan sehingga kini belum ada sebarang kes yang telah dibawa ke hadapan.

Bidang kuasa Akta Pencetakan Teks Al-Quran sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam seksyen 4 yang menyatakan bahawa ia adalah mengikut Fasal 4, Perkara 80, Perlembagaan Persekutuan. Kesahihan teks Al-Quran mengikut akta, pihak mahkamah yang mendengar kes mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Quran adalah tidak perlu fakta pembuktian kesahihan mengenai teks Al-Quran. Ini

kerana telah diperuntukkan dalam seksyen 16 akan berkenaan yang menyatakan bahawa perakuan Mufti hendaklah menjadi bukti konklusif kepada perkara-perkara seandainya dibangkitkan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Akta Pencetakan Teks Al-Quran ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 -

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 1 Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subfasal 1(1) dengan menggantikan perkataan '1997' dengan perkataan '1998'.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan yang telah dikemukakan hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Fasal 1 Rang Undang-undang adalah dipinda -

“Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subfasal 1(1) dengan menggantikan perkataan ‘1997’ dengan perkataan ‘1998’”

The English translation is as follows:

“The Bill is amended in subclause 1(1) by substituting for the word ‘1997’ the word ‘1998’”

Fasal 1 seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan berhubungan dengan Tatacara Mal bagi Mahkamah Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diperkenalkan bagi menggantikan penggantungan pemakaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952 dan juga rujukan kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang digunakan oleh Mahkamah Sivil di dalam mengendalikan perbicaraan kes-kes mal ataupun sivil di Mahkamah Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Rang undang-undang ini telah digubal oleh Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivil dan Syarak. Di dalam menggubal undang-undang ini Jawatankuasa telah menimbang pelbagai aspek agar perjalanan kes-kes mal di Mahkamah Syariah dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan teratur. Secara umumnya rang undang-undang ini menerangkan cara sesuatu tuntutan mal itu dimulakan di Mahkamah Syariah sehinggalah ianya dilupuskan oleh mahkamah.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada 25 bahagian dan mengandungi 248 fasal.

Bahagian I dan II mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan dan kesan ketidakpatuhan sesuatu prosiding mal.

Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai cara memulakan sesuatu prosiding mal.

Bahagian IV memperuntukkan pihak-pihak di mana prosiding.

Bahagian V memperuntukkan mengenai peranan Peguam Syarie.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyampaian dokumen dan pleading.

Bahagian VII menerangkan proses enterpleader.

Bahagian VIII menerangkan bentuk-bentuk pleading, contohnya penyata tuntutan dan pembelaan.

Bahagian IX mengenai pembayaran ke dalam dan daripada mahkamah.

Bahagian X menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai pindaan kepada suatu dokumen.

Bahagian XI mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penzahiran dokumen dan fakta.

Bahagian XII mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pemindahan prosiding mahkamah.

Bahagian XIII mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyelesaian, penarikan balik dan pemberhentian tindakan.

Bahagian XIV menerangkan pemberian keterangan di mahkamah.

Bahagian XV menerangkan mengenai pendengaran kes-kes mal di mahkamah.

Bahagian XVI menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai penghakiman dan perintah.

Bahagian XVII menerangkan mengenai rayuan.

Bahagian XVIII menerangkan mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman.

Bahagian XIX mengandungi peruntukan mengenai pengagihan hasil jualan pelaksanaan di kalangan pemiutang penghakiman.

Bahagian XX mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai prosiding interlokutori dan perintah interim.

Bahagian XXI menerangkan mengenai kuasa hakim dan pendaftar mahkamah.

Bahagian XXII memperuntukkan mengenai wang dan harta dalam mahkamah.

Bahagian XXIII menerangkan kos dan fee mahkamah.

Bahagian XXIV mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penghinaan mahkamah.

Akhir sekali, Bahagian XXV memperuntukkan mengenai peruntukan-peruntukan pelbagai, antaranya bahasa, borang, salinan yang diperakui, fee, deposit dan perbelanjaan, memberi jaminan, kehadiran diri dan penggunaan hukum syarak.

Kesimpulannya, dengan adanya rang undang-undang ini perbicaraan kes-kes mal atau sivil akan dapat dijalankan dengan kemas dan teratur. Ianya akan menjadikan bahan rujukan kepada negeri-negeri yang lain di Malaysia yang masih ketiadaan undang-undang ini. Dengan demikian, hasrat kerajaan untuk menyelaraskan segala undang-undang Islam yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan berhubung dengan Tatacara Mal bagi Mahkamah Syariah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Zuki.

6.19 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sampailah masanya Tatacara Mal yang lengkap disediakan dan diharap dapat diluluskan oleh Dewan Parlimen Malaysia yang mulia ini.

Saya difahamkan Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 tidak dibahaskan di Dewan Rakyat. Saya tidak tahu mengapa rang undang-undang yang begitu penting berlalu dengan tidak dibahas di Dewan Rakyat. Adalah diingatkan bahawa tiap-tiap undang-undang baik undang-undang syariah, mahupun undang-undang sivil yang dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara amat perlu dibahaskan bukan sahaja oleh kaum muslimin dan orang-orang yang beragama Islam tetapi juga orang-orang yang bukan beragama Islam yang menjadi Ahli Parlimen. Adalah tanggungjawab kita untuk membahaskan bersama-sama.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk bersama-sama Ahli-ahli Dewan Negara lain yang saya percaya akan membahaskan untuk memberi pandangan, penjelasan dan bertanya kepada yang arif kerajaan perkara-perkara yang mengelirukan dalam Akta ini. Dengan keizinan Allah S.W.T dapatlah kerajaan membawa dan juga menerangkan di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita ini dijajah lagi Mahkamah Syariah kerap kali diletakkan kedudukannya lebih rendah kalau dibandingkan dengan mahkamah sivil. Keadaan ini berlaku kerana mahkamah sivil adalah Mahkamah Persekutuan, sementara mahkamah syariah adalah Mahkamah Negeri. Oleh itu sampai masanya untuk kita meletak mahkamah syariah seperti juga mahkamah sivil dan Hakim-hakim Syarie mestilah diberi pengiktirafan yang setimpal selepas melalui kursus-kursus dan mendapat ijazah-ijazah yang tertentu. Seperti juga sekarang ini peguam-peguam beragama Islam yang hendak menjadi Peguam Syarie mestilah pergi ke Universiti Islam Antarabangsa setahun untuk mendapatkan sijil/diploma sebelum mereka itu dapat berhujah di Mahkamah Syariah. Banyak perkara yang kita patut betulkan khususnya seragamkan undang-undang syariah yang tidak dapat kita seragamkan di seluruh negara kita. Satu contoh ada negeri yang mengambil tindakan kepada orang bukan Islam yang

melakukan maksiat dengan orang Islam dan ada yang tidak boleh mengambil tindakan. Ada pula soal poligami ada negeri membenarkan dengan mudah lelaki kahwin lebih daripada satu tanpa mendapat kebenaran isteri pertama. Ada pula negeri

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Dato' Haji Mohd. Zuki ini di mana negeri-negeri yang boleh dapat isteri lebih daripada satu tanpa mendapat izin isteri yang pertama? Saya percaya Ahli Yang Berhormat lain pun hendak tahu juga.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang tertentu itu pihak Yang Berhormat sendiri tahu, hanya dia hendak memberikan peluang untuk saya memberitahu tempat-tempat itu supaya Yang Berhormat barangkali minat untuk pergi ke negeri itu. Kalau saya buat kesilapan, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan mesti terus menegur saya kalau tidak perkara yang dicakup adalah benar dan kebenaran itu mestilah cara ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Selangor jikalau hendak berpoligami dimestikan mengisi borang dan bakal suami dan isteri kena pergi ke mahkamah berjumpa dengan hakim dan jika didapati patut dan perlu kahwin barulah dibenarkan kahwin. Ada satu negeri pula mengisi borang sahaja tanpa pergi berhadapan dengan hakim untuk mendapatkan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara-perkara yang saya boleh sebutkan yang tidak dapat kita seragamkan lagi pada masa sekarang ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang negeri-negeri tadi, adakah negeri Perlis termasuk di antara mana satu dalam senarai yang disebut tadi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, negeri Perlis ini ia terkebelakang sedikit. Ia tidak dapat pergi ke hadapan lagi bermakna ia masih lagi mengikut cara lama. Cara lama ini Yang Berhormat dari Perlis lebih tahu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan ucapan, saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat saya Allahyarham

Dato' Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, bekas Profesor di Universiti Malaya dan juga sahabat saya Allahyarham Dato' Haji Wan Muhamad bin Wan Mustafa, bekas hakim Mahkamah Tinggi yang telah pun meninggalkan kita terlebih dahulu. Saya mendoakan agar Allah S.W.T mencucuri roh mereka berdua dan Tuhan sahajalah yang akan membalas jasa murni yang baik mereka ini. Mereka ini dan Penasihat Undang-undang negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Terengganu, seorang pegawai dari chambers Peguam Negara, dua orang pakar syariah terdiri daripada Dato' Sheikh Ghazali yang sekarang ini menjadi Ketua Hakim Syariah di Mahkamah Wilayah Persekutuan dan juga Dato' Daud bin Muhamad dengan Profesor Tan Sri Dato' Ahmad bin Ibrahim sebagai pakar rujuk dan penasihat. Mereka ini telah dapat mengemukakan draf dan akhirnya menjadi satu bil yang ada di hadapan kita pada petang ini. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) terpakai bagi Mahkamah Rendah, terpakai bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Ianya sepertimana diperkatakan oleh pihak kerajaan tadi mengandungi 248 seksyen di dalam 25 bahagian dengan borang yang berjumlah 51.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur Mal Mahkamah Syariah merupakan satu akta dan bukannya kaedah-kaedah, dengan izin, 'rules' yang terdapat di mahkamah-mahkamah sivil. Ini bermakna tambahan dan pindaan tidak dapat dipinda tanpa kelulusan Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri. Tetapi kaedah-kaedah boleh dibuat pindaan mengikut seksyen 246 dan 247 di dalam akta yang kita sedang bahaskan.

Hanya dua cara bagaimana kita hendak memulakan prosiding iaitu melalui permohonan dan saman mengikut seksyen 71 dan 72 dan prosiding ini boleh dimulakan dengan budibicara mahkamah secara lisan. Ini satu kebbaikannya akta ini iaitu mengikut seksyen 16 dan 19 bagi defendan atau bagi pihak yang membela dirinya.

Dalam akta ini, ada peruntukan bagi orang miskin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu seksyen 31 yang mengecualikan bayaran mahkamah dengan izin, 'court fees' yang ini adalah satu keistimewaan dan kos selain daripada perbelanjaan prosiding.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, perkara membuat affidavit ikrar susah sebab tidak ada kadi, hakim pendaftar dan telah pun dicadangkan di dalam bil ini supaya mendapatkan pegawai Division 1 untuk menyaksikan sumpah itu, yang beragama Islam.

Saya hendak mencadangkan untuk mendapatkan pegawai-pegawai Division 1 pun amat susah kepada orang-orang yang hendak membuat affidavit, oleh itu saya mencadangkan pihak kerajaan mengadakan pesuruhjaya sumpah yang kita boleh dapat merata-rata, pesuruhjaya sumpah yang beragama Islam. Di sini saya tidak dapat pesuruhjaya sumpah sebagai seorang yang boleh mengakui affidavit itu adalah affidavit benar sepertimana yang kita lakukan di mahkamah-mahkamah sivil.

Adalah, Tuan Yang di-Pertua, tidak adil mengikut hukum syariah memerintah atau membebaskan seorang 'daeng' penghakiman untuk membayar saraan hidup mengadili penghakiman yang telah dijatuh hukum. Dia ini, Tuan Yang di-Pertua, serupa dengan mahkamah sivil iaitu seorang yang berhutang apabila dihantar notis, dihantar saman dan dia tidak hadir di mahkamah, dia dapat penghakiman. Hukuman dijatuh dan dengan izin, jadi 'debtors summon' dan apabila 'debtors summon' ini dipanggil ke mahkamah lagi sekali, dia tidak hadir dan dia ini akan dikomitkan ke dalam penjara. Apabila dia masuk penjara yang membayar saraan di penjara itu adalah orang yang menuntut duit tadi tetapi di sini tidak adil mengikut hukum syarak untuk membuat mereka membayar saraan hidup di penjara dan diharapkan pihak kerajaan menanggung beban ini dan saya harap pihak kerajaan akan menimbangkan cadangan saya itu.

Tuan Yang di-Pertua, penghakiman terus dan penghakiman di atas sebab-sebab kegagalan pihak defendan sebab hukum syariah mementingkan, Tuan Yang di-Pertua, hukum syariah mementingkan dua belah pihak perlu didengar. Inilah hukum syariah kita ini yang baiknya sebelum kita membuat satu keadilan, dia tidak dengar sebelah pihak sahaja kena dengar dua belah pihak dan itu merupai hukum syariah kita.

Sebelum sesuatu penghakiman atau perintah dibuat oleh mahkamah maknanya harapan Akta Prosedur Mal Mahkamah yang seragam ini dapatlah

diluluskan dan selepas ini akan dapat diterimapakai oleh negeri-negeri. Undang-undang ini boleh diterima oleh setiap negeri dan pelaksanaannya boleh dibuat apabila diterima dan diluluskan oleh Dewan-Dewan Undangan Negeri dan menjadi undang-undang negeri yang kita harapkan.

Sebab ini adalah pertama kalinya kita membawa acara mal ini untuk wilayah-wilayah Persekutuan, saya difahamkan termasuk Labuan. Dua wilayah sahaja kita ada, Kuala Lumpur dan Wilayah Labuan. Dengan cara ini satu undang-undang syariah yang selaras di seluruh negara dapat diwujudkan untuk kebaikan orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja pandangan saya. Saya akan memberi sedikit lagi pandangan saya dalam masa kita mesyuarat dalam jawatankuasa nanti. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

6.35 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Saya juga turut bangun untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan sekali gus membahaskan rang undang-undang yang telah banyak juga diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terutamanya bagi pihak kaum wanita, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini yang merupakan satu lagi pada hemat saya, dengan izin, 'break through' dalam era pentadbiran undang-undang syariah di negara ini yang diharapkan akan dapat mengwujudkan satu sistem keadilan yang efisien dan boleh dijadikan contoh bagi seluruh negara. Kerana kita tahu pentadbiran undang-undang syariah di Wilayah Persekutuan telah dari awalnya merupakan salah satu daripada pentadbiran undang-undang syariah yang dijadikan contoh.

Bukan sahaja daripada pentadbirannya tetapi juga dari segi fizikal mahkamah-pun mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan adalah merupakan salah satu daripada mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara yang

melambangkan kedudukan status atau kedudukan atau status undang-undang syariah yang dimanifestasikan dalam bentuk mahkamah.

Daripada rekod kes-kes yang dibawa di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan kita dapati banyak kes yang dapat diselesaikan dan seterusnya dapat menyelesaikan banyak masalah terutamanya dari segi masalah-masalah Mal yang tertumpu kepada masalah keluarga. Dalam memperkatakan tentang masalah/kes keluarga tentu sekalilah yang selalunya banyak membuat rungutan ialah dari pihak wanita.

Saya percayalah kita telah pun berjaya mewujudkan Undang-undang Keluarga Islam yang dahulunya hanya merupakan sebahagian daripada undang-undang pentadbiran agama Islam. Tetapi dengan adanya satu peruntukan khusus tentang undang-undang keluarga maka ianya memberi penumpuan untuk memastikan keadilan dan keharmonian di dalam keluarga dapat diwujudkan mengikut hukum syarak.

Tuan Yang di-Pertua, syariah - asasnya adalah keadilan dan ianya adalah berasaskan kepada hukum syarak yang mementingkan, mengutamakan keadilan dan kesaksamaan. Kita dapati bahawa di negara kita ini pentadbiran undang-undang Islam khususnya undang-undang keluarga Islam adalah berbeza antara negeri-negeri. Ini sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi dan kita dapati juga oleh kerana ianya jatuh di bawah bidang kuasa negeri ianya telah menimbulkan pelbagai ketidakselarasan. Sepatutnya pentadbiran agama Islam ini bersesuaian dengan peruntukan dalam Perlembagaan bahawa agama rasmi negara ini adalah agama Islam. Sepatutnya ianya adalah ditadbirkan daripada peringkat Persekutuan. Tentulah kalau kita dapat pentadbirannya di peringkat persekutuan maka penyelarannya adalah lebih efisien dan juga tidak menimbulkan banyak masalah kerana pada hakikatnya kita berdasarkan prinsip-prinsip Mazhab Syafie. Dan berdasarkan prinsip-prinsip yang sama sepatutnya pentadbirannya juga tidak bercanggah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah banyak memberikan contoh-contoh di mana terdapatnya, tidak adanya persamaan dalam beberapa negeri-negeri

yang mana oleh kerana adanya berbeza pentadbiran undang-undang agama Islam itu maka kita dapati terutamanya dalam penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan. Contohnya penguatkuasaan sesuatu penghakiman yang tidak dapat dilaksanakan dari satu negeri kepada satu negeri dan ini telah banyak menimbulkan juga masalah-masalah.

Justeru itu saya ingin mencadangkan bahawa usaha-usaha yang sedang dipergiatkan atau dijalankan oleh Majlis Teknikal Undang-undang Agama Islam terus dilaksanakan untuk mendapatkan persetujuan daripada Majlis Raja-Raja di negeri-negeri untuk dapat kita menyelaraskan semua pentadbiran undang-undang Islam di negara ini tidak kira dari aspek sivil atau mal.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan untuk mendapatkan penyelarasan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang agama Islam ini, lantikan panel hakim bagi tiap-tiap negeri hendaklah merupakan hakim-hakim yang juga merupakan hakim-hakim yang dilantik daripada panel hakim untuk Mahkamah-mahkamah Rayuan bagi tiap-tiap negeri itu adalah merupakan panel hakim yang sama. Sebab dalam sistem hierarki, pentadbiran undang-undang keluarga Islam juga, mahkamah yang tertinggi ialah Mahkamah Rayuan.

Jadi untuk salah satu usaha kita menyelaraskan pelaksanaan undang-undang agama Islam adalah dicadangkan kalaulah dapat Ahli-ahli Panel Hakim di Mahkamah-mahkamah Rayuan di tiap-tiap negeri itu adalah merupakan mereka yang arif dan mereka yang sama sepertimana dalam tiap-tiap negeri. Contohnya kalau kita ada Ahli-ahli Panel Hakim, Mahkamah Rayuan Wilayah Persekutuan terdiri dari 4 orang contohnya, maka hendaklah orang yang sama juga dilantik bagi negeri-negeri lain untuk menganggotai panel hakim Mahkamah-mahkamah Rayuan bagi tiap-tiap negeri itu. Insya-Allah kita harap jikalau orang-orang yang sama itu menjadi Ahli Panel Hakim bagi Mahkamah-mahkamah Rayuan bagi tiap-tiap negeri itu maka dengan sendirinyalah hukuman-hukuman atau penghakiman-penghakiman bagi rayuan-rayuan dikemukakan di tiap-tiap negeri itu dalam Mahkamah-mahkamah Rayuan akan dapat diselaraskan.

Saya percaya juga ini tentu tidak menjadi masalah kerana kita pun tidak ramai mempunyai mereka yang arif dan layak untuk menduduki panel hakim Mahkamah Rayuan bagi tiap-tiap negeri. Jadi kalau ianya dapat disatukan ia juga akan dapat selain daripada memastikan bahawa mereka yang benar-benar arif dan mengetahui akan undang-undang syarak itu dapat mewakili Mahkamah Rayuan tetapi juga dari segi penghakimannya nanti akan mendapatkan penghakiman yang selaras.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang kedua kalau dapat kita lihat rungutan yang selalu kita dengar daripada Mahkamah Syariah terutamanya daripada kaum wanita ialah tentang berlaku ketidakadilan. Banyak cerita yang mengatakan banyak penghakiman di Mahkamah Syariah dikatakan tidak adil. Hakim-hakim tidak bersikap adil terutamanya kepada kaum wanita.

Saya percaya dengan adanya tatacara mal diluluskan dan dapat dilaksanakan di Mahkamah Syariah, salah satu daripada masalah yang dikatakan timbulnya ketidakadilan ini akan dapat diatasi. Sebab kita tahu bahawa salah satu sebab mengapa pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik ialah apabila tatacara bagi sesuatu pentadbiran undang-undang itu tidak kemas dan oleh kerana itu undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Jadi dengan adanya tatacara ini yang kita lihat begitu lengkap, ianya bermula daripada pemulaan proseding, hinggalah kepada saman, permohonan dan hinggalah kepada penghakiman dan semuanya disebut dengan begitu terperinci.

Kita percaya apa yang akan dilaksana dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah akan dilaksanakan dengan baik. Kerana dahulu, saya masih ingat lagi ada juga masanya saya mewakili wanita-wanita di Mahkamah Syariah, kita dapati bahawa kita tidak dapat melaksanakan undang-undang syariah atau undang-undang keluarga Islam dengan sempurna kerana tidak adanya tatacara. Contohnya bagaimanakah saman boleh disampaikan jikalau pihak suami gagal datang ke mahkamah. Dan kita juga tidak dapat menguatkuasakan penghakiman walaupun

penghakiman telah ditetapkan oleh hakim kerana tidak wujudnya tatacara yang berbentuk undang-undang yang dapat dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab yang dikatakan kurangnya ada keadilan ialah penghakiman yang lambat dan keputusan yang lambat dibuat. Ini ialah ialah terutamanya kerana apabila tuntutan dibuat untuk hadanah dan nafkah iaitu bila berlakunya perceraian maka isteri-isteri tidak akan dapat hak untuk penjagaan anak ataupun mendapat nafkah. Tetapi kita dapati dengan adanya tatacara mal Mahkamah Syariah ini di bawah Fasal 201 dan 202 khususnya terwujud sekarang ini perintah interim yang boleh dikeluarkan oleh hakim.

Maknanya jikalau pun penghakiman itu belum diputuskan, perintah interim boleh dikeluarkan untuk memberi hak kepada seorang ibu contohnya untuk mendapat nafkah anak. Nafkah anak kita tahu adalah salah satu daripada masalah yang selalu kita baca dalam akhbar. Bila mana berlaku perceraian siisteri tidak mendapat nafkah anak dan tidak dapat nafkah anak kerana sibapa yang telah menceraikan isteri yang meninggalkan anak, gagal untuk memberi nafkah.

Tetapi dengan adanya peruntukan ini, ini bermakna bahawa pihak mahkamah boleh memberi perintah interim atau perintah sementara untuk membolehkan kalau sibapa mempunyai majikan dan pekerjaan, maka bolehlah mendapatkan potongan gaji bagi nafkah anak-anaknya. Ini adalah satu cara yang baik yang akan membantu anak-anak untuk disara oleh ibu kerana gaji bapa itu akan terus dipotong dan didapati oleh keluarganya.

Dan peruntukan yang lain yang juga diperuntukkan ialah cagaran untuk tindakan tuntutan nafkah. Ini juga adalah satu perkara baru yang telah diperuntukkan dalam rang undang-undang ini yang membolehkan ibu menuntut harta sibapa dicagarkan untuk nafkah anak ataupun mungkin walaupun tidak berlaku perceraian. Ini bermakna bahawa siibu boleh menentukan bahawa anak-anaknya akan mendapat hak nafkah. Contohnya pendidikan dengan mencagarkan atau meletakkan caveat sebagai cagaran kepada harta sisuami untuk memastikan jikalau berlaku sesuatu ataupun tidak berlaku sesuatu, harta tertentu itu akan ditetapkan untuk nafkah anak-anak bagi sesuatu keluarga itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu peruntukan yang perlu diambil perhatian terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai majikan, iaitu suami yang tidak mempunyai majikan kerana mudah bagi kita untuk mendapat tuntutan nafkah atau potongan gaji jikalau suami itu bekerja tetapi agak sukar jikalau suami itu contohnya seorang peniaga. Jadi dengan adanya peruntukan ini mereka tidak boleh lari kerana sekarang banyak juga tuntutan nafkah bilamana suami itu tidak bekerja dan tidak ada majikan untuk dipotong gaji.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan ini kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana dapat mengatasi masalah-masalah yang begitu rumit kepada masyarakat Islam terutamanya untuk tuntutan nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya juga ingin memberi cadangan untuk Mahkamah Syariah ini walaupun telah ada tatacaranya yang baik dan ada peruntukkan untuk pendengaran atau perbicaraan, cumanya apa yang kita dapati di Mahkamah Syariah ini bentuk fizikal tempat perbicaraan dalam mahkamah ini adalah serupa dengan bentuk perbicaraan jikalau ianya merupakan perbicaraan jenayah di mana ianya ada tempat untuk saksi, ada tempat untuk hakim dan sebagainya dan ianya begitu formal. Mungkin pihak Mahkamah Syariah dapat memikirkan cadangan untuk mewujudkan satu mahkamah yang lebih, dengan izin, friendly kepada keluarga iaitu mungkin tidak perlu sesuatu masalah itu dibicarakan di mahkamah terbuka tetapi masalah-masalah kekeluargaan itu dapat diselesaikan dalam kamar ataupun mungkin bukan dalam bilik tempat tuan hakim tetapi bilik yang lain yang tidak mewujudkan suasana yang begitu informal kerana suasana yang begitu formal itu tidak akan memberikan rasa ketenangan untuk memperbaiki keadaan sesebuah keluarga, contohnya dalam kes-kes tuntutan perceraian.

Selalu kita dapati dalam tuntutan perceraian ia akan diadakan dalam mahkamah terbuka, jadi kalau di mahkamah terbuka kadangkala ada kes-kes lain kita dapati ada juga orang-orang lain yang terlibat dalam kes lain yang ada di dalam mahkamah yang berkenaan. Jadi di situ mungkin payah untuk sesuatu kes itu diselesaikan dengan cara kekeluargaan. Mungkin keadaan (enviroment)

mahkamah itu sendiri tidak dapat mewujudkan suasana kekeluargaan dan yang mana juga menimbulkan rasa ketegangan yang berterusan. Contohnya juga dalam tuntutan hadhanah, dibawa di dalam mahkamah terbuka, di mana si ibu dan bekas suami mungkin akan bergaduh tentang siapa yang menuntut hak anak. Tetapi kalau dapat diwujudkan dalam satu mahkamah yang lebih bersifat kekeluargaan, tidak terbuka kepada orang lain, mungkin kita dapat menyelesaikan kes-kes berkenaan.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa menurut peruntukan di bawah rang undang-undang ini terdapatnya peruntukan tentang pembangunan keluarga iaitu pihak mahkamah juga berfungsi sebagai pendidik. Mungkin ini boleh digunakan sebagai satu cara untuk penyelesaian mahkamah yang mana jikalau ianya sampai ke pihak mahkamah ataupun peringkat untuk penghakiman ianya dapat diselesaikan dalam suasana seperti yang saya katakan 'friendly family court environment'. Saya juga dapati dalam rang undang-undang ini pihak mahkamah juga seperti yang saya sebutkan tadi, menjadi berfungsi sebagai pendidik, ini juga adalah amat dialu-alukan dan difahamkan juga di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pegawai-pegawainya lebih bersifat membantu daripada menolak kes-kes itu terus kepada mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan untuk kita memastikan bahawa kes-kes syariah mal ini terutamanya kes-kes keluarga ini dalam memfailkan dokumen-dokumen, kalaulah boleh Mahkamah Syariah membentuk (formulate) dokumen-dokumen yang mudah untuk diisi oleh pihak-pihak yang menuntut. Kita tahu jika seseorang itu, terutamanya kes-kes penceraian, kalau seseorang isteri itu telah dicerai tentu sekalilah mengalami masalah kewangan. Mungkin kalau boleh dapat kita buat dokumen-dokumen itu mudah diisi dan seterusnya pula mudah dibawa ke peringkat mahkamah. Dalam mahkamah yang lebih bersikap kekeluargaan ini maka tidak perlulah pihak penuntut atau pihak yang menuntut (plaintif) itu mengambil peguam kerana kita tahu peguam juga adalah satu profesion yang kadangkala terlalu mahal untuk keupayaan atau kemampuan pihak plaintif.

Saya ingin mencadangkan selain daripada dokumen-dokumen itu bagi kes-kes yang mudah dapat diselesaikan oleh pihak pegawai mahkamah dengan pihak yang menuntut, selain daripada itu saya ingin mencadangkan Baitulmal mewujudkan satu tabung untuk kes-kes syariah yang mana dapat kita mewujudkan Pembantu-pembantu Undang-undang Syariah terutamanya di Mahkamah Rendah Syariah, yakni wang yang boleh disalurkan oleh pihak Baitulmal dimasukkan dalam satu tabung dan tabung ini membiayai Pembantu Undang-undang untuk membantu kes-kes yang berkecualan untuk dibawa ke mahkamah. Dan kita mengharapkan pihak Baitulmal dapat mengkaji perkara ini kerana mengikut asnaf-asnaf yang tertentu besar kemungkinan ianya boleh dimasukkan sebagai salah satu daripada kebajikan yang ditentukan. Saya percaya dan yakin ramai wanita yang memerlukan bantuan ini. Mungkin lebih baik kalau kita memberi dia bantuan untuk menyelesaikan kesnya secara adil daripada pihak Baitulmal cuba membiayai keluarga yang ditinggalkan oleh bapa-bapa atau suami yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyentuh tentang kekurangan pegawai-pegawai di Mahkamah-mahkamah Syariah. Apa yang saya difahamkan di Wilayah Persekutuan kita mempunyai pegawai-pegawai dan hakim-hakim yang mencukupi. Walau bagaimanapun, di negeri-negeri lain yang membuat zoning bagi kawasan-kawasan pejabat kadi ataupun Mahkamah-mahkamah Syariah didapati tidak mencukupi pegawai-pegawai kehakiman, saya tahu juga tadi pihak Timbalan Menteri ada menyebut bahawa memang wujudnya kekurangan tetapi di luar bidang kuasanya dan diharap dengan adanya peruntukan penyelarasan pegawai-pegawai kehakiman maka akan menepatilah kehendak-kehendak bagi Mahkamah-mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan bahawa pihak Majlis Agama Islam di seluruh negara untuk memberikan perhatian dan penekanan tentang kekurangan pegawai-pegawai syariah ini agar dapat kita memastikan keadilan dalam undang-undang syariah ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

7.00 mlm.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Nampaknya Wilayah Persekutuan adalah terlebih dahulu dan lebih ke depan daripada negeri-negeri lain dalam Malaysia ini. Saya mengharapkan Rang Undang-undang Mal ini setelah diluluskan akan dapat diguna sama oleh negeri-negeri yang ada dalam Persekutuan ini.

Rang undang-undang ini telah pun digubal oleh Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivil dan Syariah yang saya difahamkan mempunyai jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Ibrahim, seorang yang begitu faham dan bijak dari segi penggubalan undang-undang. Jawatankuasa ini telah membincangkan berbagai-bagai aspek berhubung dengan kes-kes Mal ini.

Saya baru-baru ini dapat sama pergi mendengar taklimat di Mahkamah Wilayah Persekutuan iaitu atas anjuran Kelab Senator diketuai oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, seramai lebih kurang 12 orang yang hadir pada hari itu, alhamdulillah, saya berterima kasih banyak – anjuran itu sangat baik. Saya pun tidak pernah pergi mahkamah, apakan lagi Mahkamah Syariah – mungkin saya tidak ada menambah orang, tidak berlaku masalah di antara suami isteri, bahkan mendengar cerita pun tidak ada. Tetapi hari itu dapat saya pergi sama dan mendapat taklimat yang baik.

Saya difahamkan bahawa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dapat menyelesaikan masalah-masalah dan kes-kes itu dengan begitu baik sekali. Tidak ada kes yang tertangguh banyak, boleh dikatakan 80% yang boleh diselesaikan dalam masa yang singkat. Tidak ada banyak kes yang tertangguh begitu lama, berbulan-bulan seperti mana yang diperkatakan dan dirintihkan oleh negeri-negeri lain, saya tidak mengata negeri lain, tetapi negeri Melaka sendiri. Saya berharap

bila mana Rang Undang-undang Mal ini diluluskan, akan dapat diguna sama oleh negeri-negeri lain, terima kasih banyaklah.

Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi umat Islam khasnya bagi wanita, sebagaimana Yang Berhormat Puan Kamalia tadi sebutkan - memang rintihan begitu banyak sekali. Terpedaya kedudukannya, berlaku berbagai-bagai bukan sahaja masalah nafkah, tanggungjawab kepada anak yang ditinggalkan apabila bercerai. Ini berlaku kebanyakannya di tanah-tanah FELDA dan FELCRA - dahulu apabila harga kelapa sawit mahal, duit banyak – nikah lain, ramai nikah lagi, tambah lagi satu, dua, kemudian isteri pertama diabaikan, apabila pembahagian harta, banyak rungutan yang tidak berpuas hati.

Kita yakin bahawa dengan Rang Undang-undang ini akan dapat mengawal selia dan dapat diikuti, mengelokkan dan tidak ada rintihan sebagaimana yang kita tahu. Satu perkara lagi yang berlaku.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, [*pembesar suara tidak berfungsi*] adakah perlu perkara ini.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sehingga empat bagi orang Islam, tetapi dengan syarat adil. Maksudnya, mengasihi keempat-empat orang isteri itu, kalau malam – ada empat isteri, tiap-tiap malam kena pergi, kalau beli barang, keempat-empat juga mesti dapat yang sama, contohnya kalau beli kereta, jika mampu beli kereta besar atau kalau tidak pun, beli kereta Kancil, semuanya dapat yang sama, tidak salah. Yang Berhormat Dato' Zuki pun tahu, cuma dia takut hendak tambah. Kalau dia berani, dia tambahkan, kalau dia buat, saya ikut buatlah. [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak patut dan tidak perlu berbuat demikian.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh iaitu pernah berlaku bahawa kalau ada penzinaan dan dibicarakan. Penzinaan ini berlaku di antara orang Islam dan bukan Islam, ini pernah berlaku, yang Islam didenda, orang perempuanlah, lelakinya bukan Islam, minta maaf, dia kena denda juga tetapi denda yang tidak berpatutan, boleh dibayar. Yang menghidap

orang perempuan, wanita Islam – mengandungi, menanggung anak, yang lelaki tadi sudah dihukum dan lepas begitu sahaja. Inilah masalah yang berlaku, jadi teraniaya bagi wanita-wanita Islam. Selain daripada yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya sebelum ini tadi, dengan nafkahnya, tanggungjawabnya, persekolahan anaknya semua diabaikan. Jadi undang-undang yang ada ini saya sungguh tertarik supaya dapat digunapakai oleh semua pihak.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan kerana dapat menggubal rang undang-undang tersebut. Kalau boleh bukan sahaja undang-undang ini dipersetujui, digunapakai tetapi hendaklah diselaraskan ke semua negeri dalam Malaysia ini. Tidak perlu tangguh-tangguh lagi, semua negeri mesti menerima dan dapat disatukan pentadbiran sekali iaitu pentadbiran undang-undang Islam ini, pengurusannya dapat disamakan supaya setiap negeri itu tidak berlainan kuasanya. Tetapi minta maaf, negeri saya – Melaka tidak ada raja, jadi kena di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, lainlah bagi negeri-negeri yang ada raja, apa hendak dikatakan raja saya telah lari ke Pahang. *[Ketawa]* Jadi walau bagaimanapun, yang kita

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, ada pembetulan, negeri Melaka ada Tuan Yang Terutama bukannya di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya, ada Tuan Yang Terutama, terima kasihlah. Saya, bila Yang Berhormat Dato' Zuki selalu bertanya, saya pun hilang pedoman. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita tahu bahawa rang undang-undang ini, tidak silap saya Yang Berhormat Dato' Muhamad Abdullah, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ada mengatakan bahawa terbahagi kepada 25 bahagian dan mengandungi 248 fasal, begitu baik sekali, bahagian-bahagian itu seperti yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi. Yang begitu lengkap sekali, begitu baik yang patut kita patuhi dan saya ucapkan terima kasihlah di atas bimbingan yang dibuat oleh Jabatan Agama kepada Wilayah ini, dapat menggubal undang-undang ini dan diguna pakai kepada semua pihak. Tidak lagi menjadi

samaran atau ajukan daripada pihak-pihak yang tertentu, ada pegangannya, ada undang-undang yang boleh kita ikuti dan boleh menyelamatkan kesemua undang-undang syarak di setiap negeri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang pembahagian harta, yang kadangkala menjadi masalah atau rungutan kepada anak angkat yang dipelihara atau diambil oleh kedua ibu bapa. Kalau ada perjanjian ataupun wasiat, kadangkala waris itu tidak pakai wasiat, sebab mengikut undang-undang Islam, anak angkat tidak dapat menerima harta daripada ibu bapa angkatnya. Kalau bapa angkatnya meninggal, maknanya anak angkat tersebut tidak dapatlah menjadi waris yang menerima kecuali kalau ada budi bicara untuk diberi, ini satu masalah juga. Sedangkan yang memelihara dan sama-sama hidup bersama anak angkat ini ialah ibu bapa angkat tadi, waris tadi tidak kisah apa pun, sama ada sakit peningnya, nafkahnya, kadangkala kita lihat ini memang pernah berlaku seperti apa yang saya sebutkan ini. Anak angkatlah yang bersusah payah tetapi kalau tidak ada dari awal-awal lagi diberikan pemindahan milik, anak angkat terlepas tangan, tidak ada langsung.

Kalau wasiat saya cuma hendak tahu adakah wasiat itu cara hitam putih ataupun secara lisan boleh dipakai, ini satu perkara kena terangkan, ini banyak berlaku di kampung-kampung. Saya lihat sendiri, sedih saya, bila mati sahaja kedua-dua ayah dan ibu angkat, anak angkat itu tidak ada peluang lagi, ini masalahnya.

Jadi, banyak perkara yang patut diperbetulkan dan saya yakin penuh bahawa rang undang-undang ini yang terbahagi kepada 25 bahagian dan mengandungi 248 fasal yang telah disebutkan tadi saya tidak dapat catatkan kerana saya tidak dapat format ini, cuma saya dapat kutip sedikit sebanyak dan saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ini akan dapat digunapakai dan dapat menyelamatkan keadaan yang tidak elok dan bersesuaian sangat dan boleh diamalkan oleh seluruh umat Islam dalam negara ini. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah.

7.11 mlm.

To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun menyokong Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Saya berpendapat bahawasanya Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ini sepatutnya sudah lama diwujudkan. Saya percaya dengan berkuatkuasanya pemakaian Tatacara Mal ini akan memudahkan orang-orang Islam dan juga menjadi garis panduan bagi mereka untuk membuat sesuatu tuntutan di mahkamah yang berkait dengan masalah mereka. Begitu juga Tatacara Mal ini akan memudahkan serta membantu pihak hakim-hakim Mahkamah Syariah bagi menentukan satu-satu kes yang boleh dikemukakan di mahkamah sama ada mengikut prosedur ataupun tidak. Dengan hal yang demikian, pelaksanaan undang-undang Islam menjadi mantap dan sempurna sesuai dengan kesucian Islam dan ketinggian Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana rang undang-undang ini telah dapat dibawa ke Parlimen dan dibaca kali yang kedua di Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan betapa serius dan prihatinnya pihak yang berwajib iaitu kerajaan dalam melaksanakan peraturan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di negara ini.

Saya percaya suatu perkara itu tidak dapat ditadbirkan dengan baik dan serius dan diuruskan dengan betul, maka ianya akan menghasilkan natijah yang tidak baik dan sempurna. Begitu jugalah dengan Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini, apa yang berlaku pada masa ini ialah walaupun telah ada dasar-dasar dan persetujuan memperkemaskan Mahkamah Syariah di seluruh negara dan pentadbirannya sendiri serta penambahan kakitangan yang terlatih dan dilengkapi dengan kelengkapan yang cukup dari segi fizikal dan sebagainya tetapi pelaksanaannya agak perlahan.

Ada setengah negeri-negeri memandangkan bahawa perubahan atau mengemaskinikan Mahkamah Syariah adalah soal kedua dari segi keutamaan. Tidak ada rancangan yang teratur dan sempurna untuk melatih kadi-kadi dan Mahkamah Syariah di peringkat yang lebih tinggi, yang ada hanyalah di peringkat Diploma Undang-undang Islam di Universiti Islam Antarabangsa.

Maka dengan ini saya mencadangkan supaya satu rancangan ke arah tahap pencapaian akademik yang lebih tinggi kepada para kadi-kadi dan hakim-hakim Mahkamah Syariah. Begitu juga dengan penambahan pegawai-pegawai dan kakitangan, walaupun ada perubahan yang dibuat jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu, tetapi pengisiannya agak lembab dan perlahan. Ada setengah negeri yang masih ragu-ragu untuk memberi gred atau taraf jawatan kepada hakim-hakim dan kadi-kadi Mahkamah Syariah, berdasarkan kepada fakta-fakta yang saya sebutkan tadi, menyebabkan perjalanan pentadbiran Mahkamah Syariah agak tidak sempurna dan mantap sepertimana yang dikehendaki oleh syarak dan masyarakat, maka tidak hairanlah mengapa kes-kes yang belum dibicarakan di Mahkamah Syariah berlonggok-longgok dan bertimbun-timbun.

Apa yang lebih menghairankan ada setengah-setengah negeri langsung tidak boleh mengadakan perbincangan dan perbicaraan disebabkan hakim-hakim belum dilantik. Kesan daripada itu, kita dapati ketidakadilan berlaku, ketidakadilan ini bukanlah disebabkan oleh undang-undang Islam, tetapi disebabkan kita sendiri iaitu pentadbir dan orang-orang yang diberi kuasa untuk mentadbirkan dan membuat perubahan di peringkat negeri-negei tidak begitu prihatin terhadap perkembangan dan kehendak masyarakat Islam semasa.

Dengan itu, saya mencadangkan supaya hakim-hakim Mahkamah Syariah dan pegawai-pegawainya diberi taraf pengiktirafan jawatan yang lebih tinggi seperti hakim-hakim di Mahkamah Sivil.

Dengan itu juga, saya mencadangkan supaya kadi-kadi, hakim-hakim dan juga kaunselor-kaunselor hendaklah sentiasa diberi kursus-kursus dan pendedahan terutama di bidang ilmu-ilmu psikologi, kemasyarakatan, kaunseling dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi mendengar ada kalangan wanita khususnya isteri-isteri yang teraniaya dan terseksa hidupnya disebabkan tidak matangnya keputusan atau nasihat yang diberi oleh pentadbir-pentadbir Mahkamah Syariah atau Jabatan Agama Islam. Kita sering terbaca di dalam akhbar-akhbar mengenai masalah tersebut, ada di antara isteri-isteri yang didera begitu teruk oleh suami dan mengambil masa yang bertahun-tahun untuk mendapat keadilan di Mahkamah Syariah.

Ada juga kes-kes yang lain seperti perceraian, tuntutan nafkah, menuntut harta sepencarian, masalah tuntutan penjagaan anak di mahkamah agak begitu lama untuk mendapat keputusan di mahkamah, di mana silapnya, Tuan Yang di-Pertua? Pada hal kes-kes yang tertentu ianya perlu disegerakan seperti kes tuntutan nafkah, kadangkala isteri yang dicerai begitu malas untuk menuntut nafkah mereka dari bekas suami-suami mereka, kalau dipandang sekali imbas seolah-olah lelaki ini atau suami itu kebal, tidak menghirau langsung akan perintah-perintah mahkamah dan tidak hadir untuk membicarakan kes-kes tersebut dan kadang-kadang lari dari satu negeri kepada satu negeri atau ke luar negeri yang sukar untuk dikesan dan dibawa ke muka perbicaraan.

Perkara ini berlaku kerana tidak adanya peraturan-peraturan atau tatacara yang kemas berkaitan dengan kes tersebut. Tambah lagi tidak adanya pelarasan yang teratur di antara negeri-negeri seluruh negara juga di antara negara-negara ASEAN, walaupun ada usaha di peringkat anggota MABIM iaitu antara Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia akan tetapi soal ini belum nampak apakah jadinya.

Maka dengan sebab itu saya menyarankan supaya penyelarasan undang-undang dan peraturan nikah kahwin hendaklah diberi keutamaan, jika tidak diberi keutamaan maka teraniayalah isteri-isteri yang ditinggalkan itu dan anak-anak menjadi mangsa.

Mereka sukar atau tidak diberi hak-hak untuk tuntutan nafkah dan sebagainya, jika perkahwinan mereka dilakukan khususnya di selatan Thailand. Setengah-setengahnya tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa negeri, kadang-kadang isteri tidak mengetahui hal-hal sebab yang mereka itu tidak dilayan, maka dengan

ini isteri juga dan wanita juga akan teraniaya, oleh sebab kurangnya pengetahuan, pengalaman dan penerangan yang diberi oleh majlis-majlis agama Islam.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong penuh kepada Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah sebab memberikan penerangan sebab baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kami pergi ke Sulaiman Building – melawat satu batalion rasa saya, dengan Dato' Haji Mohd. Zuki, ya Dato'! Pergi melawat ke Mahkamah Syariah. Terperanjat saya melihat rupa-rupanya hak wanita ini ada banyak yang istimewa. Saya, boleh dikatakan seluruh Malaysia tidak tahu. Saya pun terkejut bahawa ada hak-hak istimewa yang mana benda ini terpendam, bak kata To' Puan Wan Asiah tadi diisytiharkan – keluar surat khabar ataupun berita, apa yang patutlah. Selama ini wanita ini saya rasa memang terhimpit dan teraniaya. Minta maaf lah mungkin orang lelaki di dalam Dewan ini tidak macam itu. Saya percaya. *[Tepuk]*

Bila teraniaya wanita tadi, memang azablah anak-anaknya. Seperti yang dikatakan tadi, saya pun sokong Yang Berhormat pun mengatakan biar selaras. Jangan di negeri Johor lain, negeri Selangor lain, negeri Melaka lain, bila bercerai sakit wanita kita yang menerima ini. Nasibnya cukup malang tetapi kata orang bila hendak berkahwin itu memanglah, terlanggar batu, batu yang kena maki, fasal dia hendak meminang kita tadi, hendak mengambil hati kita. Sudah kahwin, matilah engkau, terhantuklah engkau batu, rasakan, mana pergi mata! *[Ketawa]* Ya, begitu Dato', bukan? Tetapi bila minta perceraian rumput kalau penuh di tangga itu sampai hangus tak ada rumput, cerai tidak juga! Tetapi orang lelaki kalau hendak menceraikan isteri, bak kata kawan-kawan saya, dia panjat pokok kelapa sebegitu tinggi, ada dua, tiga orang di bawah, kalau dia dapat petik buah kelapa itu, dia jerit, "Eh Minah, aku hendak ceraikan engkau", baling sahaja kelapa gugurlah talak – berapa punya senang tetapi wanita, ya To' Puan Wan Asiah, sampai tidak ada rumput, sampai botak tinggal tanah sahaja. Kita naik turun, naik turun, budak kecil sampai besar, macam mana, Tuhan sahaja yang menyaksikan macam mana dia

menghidupkan anak-anak dia sampai tiga, empat orang. Itulah yang saya harapkan sekali ini kalau boleh, ya Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah, jangan kata nanti dulu, nanti, sekali ini dibentang habis-habisan, biar selaras. Jadi, supaya wanita kita tidaklah terseksa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah.

To' Puan Wan Asiah binti Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan. Saya sambung balik, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya menyarankan supaya penerangan-penerangan dan kursus-kursus diberi bukan sahaja kepada wanita tetapi juga kepada lelaki. Biasanya wanita ini memang rajin dan memang alim dengan kursus-kursus ini tetapi jarang lelaki ini ikut serta. Sebab itulah walau apa undang-undang yang ada sekalipun kita gubal menjadi kelim-kabut. Maka, keseimbangan dalam persefahaman ini perlu dilaksanakan. Bukan sahaja lelaki di dalam Dewan ini – minta maaf kasar sedikit lelaki, juga tuan-tuan yang berada di luar Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini tentang penyelarasan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan mal atau sivil. Di masa yang lalu kita juga di Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan, akan tetapi dari segi pelaksanaannya apabila akta ini atau rang undang-undang ini diluluskan dan dibawa ke negeri-negeri maka adalah pindaan dibuat. Apabila pindaan dibuat, maka dari segi pelaksanaannya tidak selaras lagi. Satu perkara yang tidak boleh disatukan di negeri-negeri akan tetapi apabila dirujuk ke negeri lain, ia boleh pula. Dengan hal yang demikian, pentadbiran undang-undang Islam akan menjadi tidak sempurna dan menyusahkan kepada masyarakat umat Islam khususnya kaum wanita Islam.

Sebagai contoh, hal poligami. Contohnya, jika negeri Selangor tidak mengizinkan, akan tetapi ada pula negeri lain yang mengizinkan dan ini menjadi seksa dan menjadi satu kekeliruan kepada umat Islam itu sendiri dan juga kepada pemakai undang-undang Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta bersungguh-sungguh supaya Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ini yang akan diluluskan sebentar lagi; yang mengandungi 248 seksyen dan 25 bab ini akan dapat hendaknya diselaraskan dari segi pelaksanaannya di seluruh negara. Kita bimbang tatacara ini jika tidak diselaras kan, maka akan menjejaskan kewibawaan pengurusan undang-undang Islam dan kesannya akan terjejas kepada agama Islam itu sendiri.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon rang undang-undang ini diluluskan dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

7.26 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 4 minit ini saya cuba menjawab setakat mana yang mampu, kalau saya tidak dapat menyelesaikannya saya akan jawab besok. Sempatlah saya membuat kajian yang lebih mendalam lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada empat orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi membahaskan satu Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian ialah pertama, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin – dia ini kena sebut tepat namanya, kalau tidak dia akan bangkit dan suruh menyebut dengan cara yang tepat, jadi saya kira sebutan saya itu tepat. Yang kedua, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim; yang ketiga Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan yang keempat Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad. Jadi, keempat-empat Yang Berhormat telah membahaskan dengan cara sungguh menarik dan juga memberikan pandangan-pandangan yang sungguh baik untuk melaksanakan rang undang-undang ini.

Saya percaya oleh kerana rang undang-undang ini sebelum kita bentangkan, kalau tidak salah ingatan saya kita juga telah memanggil dan mendengar taklimat di sini, di Parlimen ini – kita panggil Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan juga saya mengucapkan terima kasih juga kerana Ahli-ahli Yang Berhormat di antaranya sanggup datang ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan juga mendengar beberapa perkara yang tertentu yang diberi taklimat oleh pihak Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Jadi, di atas hal ini saya cukup percaya mereka telah.....

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:mengetahui dengan cara mendalam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Wan Intan hendak minta laluan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kalau masa mengizinkan....

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Dua minit sahaja.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Dua minit. Lebih itu. *[Ketawa]*

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya menyampaikan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada hakim-hakim, istimewanya kepada Yang Berbahagia Dato' ketua kitalah, Dato' Ghazali, kalau tidak salah, kerana kes yang diberi ini amatlah mengejutkan. Selesai dalam tiga, empat bulan. Ratus – ratus habis, tinggal tiga empat puluh, ini yang saya kata sangat bangga. Kalau macam inilah seluruh Malaysia buat, tidak ada problem kaum wanita kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat masa pun sudah cukup. Sambung besoklah ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di -Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewang ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.